



**TETAP  
BERSATU  
DENGAN DIA**  
**YOHANES 15:4**

**DOA & PUASA 40-HARI · 07.08 - 15.09.2015**



# Tetap Bersatu Dengan Dia

(Yohanes 15 - Alkitab Berita Baik)



- <sup>1</sup> Yesus berkata lagi, "Aku pokok anggur yang sejati, dan Bapa-Ku peladang anggur.
- <sup>2</sup> Setiap carang-Ku yang tidak berbuah dikerat oleh-Nya, dan setiap carang yang berbuah dipangkas oleh-Nya supaya bersih dan berbuah lebih lebat.
- <sup>3</sup> Kamu sudah dibersihkan oleh ajaran yang Aku ajarkan kepada kamu.
- <sup>4</sup> Tetaplah bersatu dengan Aku dan Aku pun akan tetap bersatu dengan kamu. Carang sendiri tidak dapat berbuah, kecuali tetap pada pokoknya. Demikian juga kamu; kamu hanya dapat berbuah, jika kamu tetap bersatu dengan Aku.
- <sup>5</sup> Akulah pokok anggur dan kamu carang-carangnya. Sesiapa yang tetap bersatu dengan Aku, dan Aku dengan dia, akan berbuah lebat; kerana tanpa Aku, kamu tidak dapat berbuat apa-apa.
- <sup>6</sup> Sesiapa yang tidak tetap bersatu dengan Aku, akan dikerat seperti carang lalu menjadi kering. Carang-carang seperti itu akan dikumpulkan lalu dibuang ke dalam api dan dibakar.
- <sup>7</sup> Jika kamu tetap bersatu dengan Aku, dan ajaran-Ku kamu simpan di dalam hati, mintalah apa sahaja yang kamu kehendaki daripada Bapa, dan permintaan kamu itu akan dipenuhi.
- <sup>8</sup> Kemuliaan Bapa-Ku dinyatakan apabila kamu berbuah lebat, dan dengan demikian kamu betul-betul pengikut-Ku.
- <sup>9</sup> Aku mengasihi kamu seperti Bapa mengasihi Aku. Hendaklah kamu tetap hidup sebagai orang yang Aku kasih.
- <sup>10</sup> Jika kamu mentaati perintah-Ku, Aku akan tetap mengasihi kamu, seperti Bapa tetap mengasihi Aku kerana Aku mentaati perintah-Nya.
- <sup>11</sup> Semua ini Aku katakan kepada kamu supaya kegembiraan-Ku ada di dalam hati kamu dan kegembiraan kamu menjadi sempurna.





# Tetap Bersatu Dengan Dia

*Prakata oleh Rev Dr Eu Hong Seng, Pengurus NECF*

Dalam Yohanes 15:5, Yesus mengajar para pengikut-Nya, “Akulah pokok anggur dan kamu carang-carangnya. Sesiapa yang tetap bersatu dengan Aku, dan Aku dengan dia, akan berbuah lebat; kerana tanpa Aku, kamu tidak dapat berbuat apa-apa.”

Maksud “tetap bersatu” adalah “tetap hidup”, “hidup terus” atau “tetap tinggal” – maka tetap bersatu dengan Kristus bererti TETAP HIDUP dalam Dia, atau TETAP TINGGAL dalam Dia. Setiap orang percaya dan Jemaah haruslah “digerakkan oleh kehadiran” – dan semuanya hendaklah dilakukan hanya bagi kemuliaan Tuhan.

Meskipun begitu, ramai dalam kalangan kita kelihatannya menjalani kehidupan dengan agak baik walaupun tidak benar-benar bersatu dengan Kristus. Ada sebilangan yang seolah-olah tidak sedar akan keadaan mereka yang “tercabut”, sementara yang lain kelihatannya tidak peduli walaupun tidak dapat membezakan kehidupan yang dijalani bersatu dengan Kristus, atau tidak.

Jemaah telah lama sekali membiarkan diri dipesongkan oleh “kejayaan” menurut ukuran sendiri, dan tidak menghasilkan buah yang sebenar. Kita telah membiarkan diri percaya bahawa kejayaan terletak pada bilangan jemaah kita (dan bangunan), dan bukan pada bilangan murid yang kita hasilkan dan utus. Kita telah menjadi terlalu sibuk dengan “pengalaman gereja” dan bukan pengalaman Kristian.

Kita telah membiarkan diri terbawa-bawa oleh hal berceramah kepada bangsa tetapi tidak menyampaikan kata-kata daripada Tuhan. Kita telah menyanyikan lagu-lagu “pujian”, tetapi tidak mempersesembahkan kemenyan kepada Tuhan. Kita sangat berghairah atas banyak perkara, tetapi kita tiada keghairahan untuk rumah-Nya. Peralatan dan perkaedahan telah mengambil alih peranan orang salih.

Apabila umat Tuhan menjadi lebih berpendidikan, maka pelayanan dalam bahaya memberikan tumpuan lebih kepada bakat, dan program gereja pula digerakkan oleh pengurusan. Terdapat sedikit sekali penghargaan kepada sentuhan Roh Kudus, hasil daripada tetap bersatu dengan Pokok Anggur yang sejati.



“Tetap bersatu” juga menyatakan kebergantungan. Carang-carang bergantung pada pokok anggur untuk memberikan hidup – melalui cecair yang mengalir dari pokok ke carang, yang membekalkan zat galian dan khasiat, kerana tanpa semua itu carang-carang tidak dapat terus hidup, apatah lagi menghasilkan buah.

Teman-teman, kita tidak dicipta untuk mempunyai hubungan yang berpura-pura sahaja dengan Tuhan kita. Kita dicipta untuk mempunyai hubungan akrab dengan Dia – yang kita perolehi hanya dengan memupuk kebiasaan untuk mencari Tuhan, walaupun kita sangat sibuk.

Hari-hari terakhir dalam kalender Tuhan menjelang segera, dan Jemaah sangat perlu menjadi lebih bersemangat, segar, dan menyampaikan kata-kata daripada Tuhan. Sambil kita mengangkat senjata untuk melawan kuasa yang menentang Kristus, kita perlu selalu dipenuhi oleh Roh Kudus dalam hidup kita supaya pendirian kita teguh, dan terus diilhamkan serta dikuatkan.

Tetap bersatu dengan Yesus bukan suatu perlumba jarak dekat. Ia adalah komitmen seumur hidup untuk percaya, bergantung dan beriman kepada-Nya. Ramai orang tidak melihat buah dalam kehidupan mereka kerana mereka tidak dapat bertahan dalam perlumba itu.

Masalah dan cabaran yang dihadapi oleh Gereja dan bangsa kita pada hari-hari ini tentu menonjolkan kebenaran kata-kata Yesus – “kerana tanpa Aku, kamu tidak dapat berbuat apa-apa”.

Bagaimanapun, marilah berpegang teguh pada janji Tuhan bahawa kita boleh berada di tempat kemenangan dan keberhasilan – kerana orang yang tetap bersatu dengan Kristus, dan Kristus bersatu dengannya, akan berbuah lebat.



# Pendahuluan

*oleh Rev Sam Surendran, Pengerusi Komisi BM*

**M**alaysia adalah bangsa yang dicintai Tuhan. Tetapi Malaysia hari ini berada diambang perubahan yang besar. Perubahan-perubahan ini mencabar kesejahteraan dan keharmonian bangsa kita. Umat Tuhan mesti siap menangani perubahan-perubahan ini.


Bukan saja bangsa kita berhadapan dengan banyak cabaran-cabaran besar dari segi ekonomi, sosial, politik dan agama tetapi gereja Tuhan juga dihadapkan dengan cabaran iman, keteguhan kepercayaan, kebebasan beragama dan banyak lagi persoalan-persoalan kehidupan, kerohanian dan keteguhan iman umat Tuhan.

Inilah waktunya umat Kristian dan gereja Tuhan harus berpikiran dan bergerak dalam urapan bani Isakhar, iaitu sebagai “umat yang mempunyai pengertian tentang saat-saat yang baik sehingga mereka mengetahui apa yang harus diperbuat...” (1 Tawarikh 12:32)

Doa adalah saluran rohani yang membawa kita mengenali dan mendalamai lagi hati Bapa Syurgawi. Doa bukan mengerakkan tangan Tuhan, tetapi doa mengubah kita untuk mengenali Tuhan lebih dalam sebab itu kita diubah dan kita berkemampuan untuk mengubah dunia kita! Doa mengubah kita dan kita mengubah dunia.

40 hari doa dan puasa adalah lebih dari satu program. Ia adalah satu persiapan peribadi umat Kristian dan gereja Tuhan untuk terus mengetahui hati Bapa kita dan mendengar agenda Tuhan dan strategi Tuhan buat bangsa kita. Inilah waktu gereja dimobilisasikan dan iman berdoa dipersatukan kerana “Sungguh alangkah baiknya dan indahnya apabila saudara-saudara diam bersama dengan rukun... sebab kesanalah Tuhan memerintahkan berkat kehidupan untuk selama-lamanya.” (Mazmur 133:1,3).

Mari umat Tuhan yang dikasihi, mari kita bangkit berdoa! Kalau kita tidak berdoa dan diubahkan oleh Tuhan, banyak perkara penting yang kita pegang dan pelihara untuk keimanan dan kesejahteraan kepercayaan kita akan diubah dan dicorak bertentangan dengan keinginan serta kebebasan beragama yang kita nikmati hari ini.



# Doa dan Puasa 40-Hari NECF

**D**oa dan Puasa 40 Hari NECF bermula sejak 2001 dan terus diamalkan. Edisi buku doa ini menandakan tahun ke-15 untuk kita menyeru dan menggerakkan Gereja di Malaysia untuk berdoa dan berpuasa bagi bangsa kita. Kini doa dan puasa tersebut diakui sebagai acara tahunan yang penting bagi orang Kristian, dan gereja-gereja anggota NECF dan CCM turut terlibat.

Permulaannya berpunca pada Kebangunan Rohani Argentina yang berlaku pada hujung tahun 1990an. Oleh sebab ada kerinduan untuk kebangunan rohani di Malaysia, NECF menjemput Carlos Annacondia – seorang peribadi yang terkemuka dalam Kebangunan Rohani Argentina – untuk berkhutbah dalam Konferensi dan Perhimpunan Breakthrough/Penerobosan pada tahun 2000. Konferensi itu mencetuskan tindakan segera untuk berdoa dan berpuasa bagi Malaysia – dan sejak itu, idea untuk mengadakan gerakan 40 Hari Doa dan Puasa di seluruh negara dibentuk dan dilaksanakan.

## National Evangelical Christian Fellowship

Sejak penubuhannya pada 1982, NECF telah melalui banyak perubahan tetapi fungsi dan matlamatnya tetap sama. Ia terus mewakili gereja-gereja Evangelikal, sebagai satu suara kepada kerajaan mengenai isu-isu kritikal yang menyentuh Gereja Malaysia. Ia menyediakan platform untuk persekutuan dan bantuan, melalui beberapa komisi dan perkhidmatannya. Sebagai suatu badan perwakilan, NECF juga menyampaikan berita terkini tentang hal-hal ehwal semasa negara, serta mencadangkan tindak balas yang berstrategi, termasuk doa. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, NECF telah mengadopsi penekanan yang lebih besar terhadap pembangunan negara dan penglibatan dalam masyarakat awam.

## Berdoa untuk NECF

- Berdoa bersama-sama NECF agar visinya untuk melihat Gereja Malaysia terlibat dalam pembangunan negara secara aktif dan bersatu padu, akan menjadi kenyataan.
- Berdoa agar ikatan persaudaraan antara gereja-gereja tempatan akan tetap bersatu, bersemangat dan relevan sebagai saksi dan pembangun negara.
- Berdoa agar Tuhan memberikan kebijaksanaan kepada Komiti Eksekutif dan Majlis NECF, apabila mereka memimpin dan menangani mengikut strategi, pelbagai cabaran yang dihadapi oleh Gereja di Malaysia.
- Berdoalah agar Sekretariat NECF diperkuat dan diperkasa ketika mereka memperjuangkan visi dan melayani Gereja di Malaysia.

# Seruan untuk Berpuasa

Pada masa berdoa dan berpuasa kali ini, marilah kita melembutkan hati dan kembali kepada Tuhan, serta mencari Dia dengan sepenuh hati. Marilah kita, Gereja di Malaysia, iaitu Tubuh-Nya, bersatu padu ketika kita berseru kepada-Nya bagi bangsa kita – untuk mempersiapkan jalan bagi gerakan Tuhan yang berdaulat untuk melaksanakan tujuan dan kehendak-Nya bagi Malaysia, pada masa akan datang.

Matlamat puasa kita adalah untuk menambahkan lagi kelaparan kita akan Tuhan, dengan itu mengizinkan Dia untuk menajamkan kepekaan kita terhadap perkara rohani – agar kita dapat mendengar dengan jelas apa yang dikatakan-Nya kepada kita tentang kehidupan peribadi kita, keluarga kita, gereja kita, masyarakat kita, bangsa kita, Malaysia.

## **Bagaimana memulakan puasa**

- Tetapkan matlamat anda – iaitu, sebabnya anda berpuasa.
- Buatlah komitmen untuk mengikut satu cara berpuasa selama 40 hari, mengikut pimpinan Tuhan kepada anda.
- Bersedialah secara rohani dengan memeriksa hati anda, kalau-kalau ada dosa yang belum diakui.
- Bersedialah secara jasmani.
- Berbuka puasa dengan mengikut cara yang baik, iaitu dengan mula-mula makan sedikit-sedikit.

Hendaklah anda kreatif dan libatkan orang lain semasa anda berpuasa dan berdoa.

## **Jenis-jenis puasa**

**Puasa Penuh:** Minum air dan bahan cair sahaja, dan tidak makan makanan keras.

**Puasa Sekali Makan:** Tidak makan pada satu kali makan dalam sehari.

**Puasa Daniel:** Tidak makan daging. Makan hanya buah-buahan dan sayuran.

**Puasa Menahan Diri:** Menahan diri daripada sesuatu yang anda suka buat setiap hari, seperti minum kopi, teh, makan coklat, gula-gula; menahan diri daripada melakukan hobi, atau sengaja menahan diri daripada percakapan sembarangan.

**Puasa Media:** Menahan diri daripada terlibat dalam apa sahaja bentuk media seperti televisyen, permainan komputer, tayangan, atau Internet.

## **Cadangan:**

**Bersama-sama keluarga anda:** Tetapkan masa keluarga berkumpul, lalu berpuasa dan berdoa bersama-sama sebagai satu keluarga. Pilih satu jenis puasa bagi semua dalam keluarga, dan berkumpullah setiap hari untuk berdoa sesuai dengan tema yang dicadangkan dalam buku 40-hari Berpuasa dan Berdoa.

**Bersama-sama kelompok sel anda:** Mengambil persetujuan untuk memilih satu jenis puasa. Mungkin anda ingin membentuk jadual harian untuk berdoa, dan mengagihkan masa bagi setiap anggota kelompok sel berdoa pada hari tertentu.

**Bersama-sama rakan sekerja:** Beri dorongan kepada orang Kristian di pejabat anda untuk berpuasa bersama. Mungkin anda boleh gunakan rehat minum atau rehat makan tengah hari untuk mendoakan Fokus Doa bagi hari tersebut.

**Melalui konferensi-video/panggilan suara/platform chat:** Berkomitmen untuk berdoa bersama-sama seorang kawan pada setiap hari dengan menggunakan platform seperti Whatsapp, Skype, dsb.

### **Memberi**

Asingkan wang yang tidak digunakan untuk membeli makanan anda. Puasa yang disertai pemberian adalah berkenan kepada Tuhan (Yesaya 58:6-9). Gunakan sampul yang disediakan dan kirimlah cek atas nama 'NECF Malaysia'. Semua wang yang dikumpul akan disalurkan kepada Tabung Kebajikan NECF bagi pengembangan kerja di Pantai Timur. Jangan kirim wang tunai melalui pos.



# Doa 40-Hari Sepanjang Masa 24 Jam Setiap Hari

Berdoa sepanjang masa 24 jam setiap hari mempunyai asas dalam Alkitab. Dalam Yesaya 62:6-8, nabi mengumumkan: "Di tembokmu, hai Yerusalem, Aku menempatkan pengawal; siang malam mereka tidak boleh diam. Mereka mesti mengingatkan TUHAN tentang janji-Nya, supaya jangan sekali-kali Dia melupakannya. Mereka mesti terus mengingatkan Dia, sehingga Dia memulihkan Yerusalem, dan menjadikannya kota yang termasyhur di seluruh dunia." Contoh-contoh doa seperti itu terdapat dalam Alkitab dan sepanjang sejarah Gereja.

Kitab Kisah Para Rasul mencatat permulaan Gereja yang berlaku di dalam sebuah bilik, dan di sitolah doa sepanjang masa diadakan di Yerusalem pada hari Pentakosta. Menurut Lukas, yang menulis kitab Kisah Para Rasul, "Dengan sehati mereka sering berkumpul dan berdoa bersama-sama" (Kisah Para Rasul 1:14). Pada waktu permulaan Gereja, agama Kristian diberikan sokongan di pusat-pusat doa di dalam biara oleh Paderi-Paderi di Tanah Gurun, masyarakat Celt di Eropa Utara, dan akhirnya oleh golongan Benedictine dan golongan-golongan lain.

Pada abad ke-18, masyarakat Moravia – di bawah pimpinan Count Zinzendorf – berdoa pada siang dan malam, selama seratus tahun lebih, dan hasil daripada doa yang tekun ini adalah penginjilan besar-besaran selepas Pembaharuan. Salah seorang yang menjadi orang percaya pada waktu itu ialah John Wesley, pendiri golongan Methodist.

Pada abad ke-20, perkumpulan doa 24 jam setiap hari di Azusa Street, Los Angeles, berkembang menjadi kebangunan rohani paling besar yang pernah disaksikan oleh dunia, dan kesannya masih berterusan di gereja-gereja di seluruh dunia sehingga hari ini.

Konsep doa 24 jam setiap hari telah diakui di banyak tempat dan diamalkan di seluruh dunia, dan muncul sebagai perkembangan terbaru dalam gerakan doa sedunia. Doa dinaikkan tanpa henti, pada setiap masa di seluruh bumi, yang memohon agar kuasa Tuhan dilepaskan semasa kita bersedia untuk penuaan terbesar dalam sepanjang sejarah, sebelum Yesus kembali.

Orang percaya dari Gereja di Malaysia kini dipanggil untuk berganding tangan dan menaikkan doa pada sepanjang masa, kerana beberapa bencana yang berlaku baru-baru ini dan cabaran-cabaran yang mengancam negara dan Gereja.

Dengan itu, selain mengikuti program 40-hari Puasa dan Doa, kami menggesa gereja-gereja untuk menganjurkan doa sepanjang masa bagi Malaysia. Gereja-gereja boleh mengambil masa berdoa selama satu hari penuh (24 jam), atau menggabungkan usaha doa dengan gereja-gereja lain selama satu minggu tanpa henti. Selama masa doa dan puasa kali ini, jangan biarkan satu jam pun yang tidak dipenuhi doa yang dinaikkan oleh anak-anak Tuhan di Malaysia.

Tetaplah Bersatu dengan Pokok itu: Yohanes 15:1 “Aku pokok anggur yang sejati, dan Bapa-Ku peladang anggur.”



# Tetaplah Bersatu dengan Pokok itu: Yesus Pokok Anggur yang Sejati

**P**erjanjian Lama penuh dengan gambaran pokok anggur sebagai lambang bagi Israel (Yesaya 5:7). Sedihnya, oleh sebab perzinaan secara rohani yang dilakukan oleh Israel terhadap perjanjian mereka dengan Tuhan dalam PL, gambaran pokok anggur bagi Israel ini mendapat kesan dan konotasi negatif.

Dengan mengisyiharkan diri-Nya sebagai “Pokok Anggur yang Sejati” (Yohanes 15:1), Yesus tidak hanya membuat jenama baru bagi suatu gambaran yang nyata bagi diri-Nya sendiri – Dia juga sengaja menjauahkan diri-Nya daripada umat Israel PL yang jahat. Sebagai Pokok Anggur yang Sejati, Yesus ialah contoh yang cemerlang dalam taat setia-Nya. Filipi 2:8 menyatakannya dengan jelas: “Dia merendahkan diri dan hidup dengan taat kepada Allah sehingga mati - iaitu mati di atas salib.”

Oleh itu, tidak hairanlah kita melihat dalam Lukas 3:22, pada permulaan pelayanan Yesus di khalayak ramai, bahawa Allah Bapa telah memperakukan Yesus dengan mengucapkan kata-kata ini: “Engkaulah Anak-Ku yang Aku kasih. Engkau menyenangkan hati-Ku.” Mengapa ada kata-kata yang mengesahkan daripada Bapa? Kerana Yesus sentiasa menunjukkan ketataan penuh kepada kehendak Bapa tanpa sebarang alasan atau soalan.

Demikian juga, kita menyenangkan hati Bapa Syurgawi apabila kita bertekad untuk mencontohi Yesus dalam hal taat setia-Nya. Filipi 2:5 memanggil kita untuk mengikut pemikiran Yesus.

**Apabila kita tetap bersatu dengan Pokok Anggur yang Sejati, adakah kita bertekad untuk menjadi umat yang lebih taat?**

## BERDOA UNTUK NEGARA: Selangor

- Kerajaan negeri:
  - a) Agar Menteri Besar dan semua pihak berkuasa dalam kerajaan negeri akan menegakkan transparensi, integriti dan kesaksamaan; b) Keberkesanan dan kecekapan dalam segala pelaksanaan polisi; c) Pengurusan kewangan yang bijak dan pengawasan yang baik; d) Mengutamakan kepentingan dan kebijakan orang ramai; e) Committed to poverty eradication; f) Melaksanakan pelan pembangunan tanpa menjelaskan orang miskin dan alam sekitar; g) Pegawai-pegawai yang menerima rasuah disingkirkan.
- Orang Asli diberikan perlakuan yang adil dan bermaruah.
- Gereja:
  - a) Kesatuan – Agar Gereja di Malaysia berpusat pada Kristus dan bukan pada diri sendiri; berpusat pada Kerajaan Tuhan dan bukan pada gereja sendiri.
  - b) Kesedaran terhadap cabaran-cabaran yang melanda Gereja dan kebijaksanaan untuk menangani semua itu. c) Peranan yang berkesan dalam isu-isu yang berlaku dalam masyarakat, kecemerlangan untuk Tuhan di dunia perniagaan, semangat dalam penjangkuan di luar bandar.



## Tetap Bersatu dengan Pokok Anggur: ‘Tetap bersatu’ dalam Pokok Anggur yang Sejati

Dalam Yohanes 15:1, Yesus menggunakan metafora hortikultur yang menandakan perhubungan yang hidup dan dinamik antara pokok anggur dan carang-carangnya. Sebenarnya, Dia menjemput kita untuk masuk dalam *perhubungan yang hidup*—suatu penggabungan dan persekutuan dengan Dia. Ini akan memimpin kita untuk mengenali Yesus secara peribadi dan intim.

Yesus memanggil kita ke dalam *perhubungan yang bersandar* kepada-Nya apabila Dia memerintah kita untuk tetap tinggal atau bersatu dengan Dia (Yohanes 15:4-6, 7). Menurut ahli teologi yang terkemuka dan penulis bernama J. Sidlow Baxter, kehidupan Kristian tidak seperti sistem bateri yang selalu perlu dicas setelah tenaganya habis. Sebaliknya, kita patut seperti prinsip aliran elektrik – kabel elektrik harus selalu dalam soket supaya ada *tenaga terus-menerus* melalui *hubungan yang terus-menerus*.

Yesus hendak menegaskan kepada kita bahawa orang percaya yang benar-benar lahir semula, adalah carang-carang rohani yang tetap bersambung pada Pokok Anggur. Apabila kita tetap bersatu dalam Yesus setiap hari, kita mendapat kuasa rohani daripada Tuhan untuk memberikan khasiat dan kekuatan kepada hidup rohani dan pertumbuhan kita. **Adakah kita bersungguh-sungguh mentaati perintah Yesus untuk tetap berhubung dengan Dia?**

### BERDOA UNTUK NEGARA: Negeri Sembilan

- Kerajaan negeri: kebijaksanaan, integriti dan bebas-rasuah, mengutamakan kepentingan awam, pengurusan kewangan negeri yang baik, menghormati dan menegakkan kebebasan beragama. Semua polisi kerajaan dan program pembangunan ditadbir dengan adil, tanpa pilih kasih atau sebarang bentuk diskriminasi.
- Kecukupan dan pembangunan ekonomi, terutama bagi mereka yang terlibat dalam pertanian dan perikanan.
- Gereja:
  - a) Kesatuan, visi, hati yang berkobar-kobar untuk Yesus dan semangat untuk menjangkau yang sesat;
  - b) Lebih ramai pemimpin yang berdedikasi dan pekerja penuh masa yang komited, serta pembiayaan yang cukup bagi mereka;
  - c) Penjangkauan kampus yang berhasil, terutamanya kepada pelajar asing;
  - d) Graduan Kristian muda yang akan kembali dan menyumbang kepada kebajikan gereja tempatan dan negeri asal mereka.



## Tetap Bersatu dalam Pokok Anggur: Bapa-Ku ialah ‘Peladang Anggur’.

**Y**esus tidak sahaja mengisyiharkan diri-Nya sebagai Pokok Anggur yang sejati, tetapi Dia juga menunjukkan bahawa Bapa syurgawi ialah peladang anggur dalam Yohanes 15:1. Peranan seorang peladang adalah menjaga kesihatan, pertumbuhan, dan keberhasilan pokok anggur. Misalnya, untuk memastikan pokok anggur itu menjadi lebih berhasil, peladang akan memangkas carang-carang yang tidak berbuah (Yohanes 15:2).

“Pemangkasan” hidup kita sering kelihatan seperti proses yang menyakitkan, tetapi ia suatu pekerjaan pemurnian yang sangat penting, yang dilakukan oleh Bapa syurgawi yang penuh kasih, bagi kita. Sama seperti doktor bedah di hospital perlu memotong kaki atau tangan yang berpenyakit merebak, atau memotong ketumbuhan kanser, untuk menyelamatkan hidup pesakit, demikian juga Bapa kita akan “memangkas” carang mati dalam karakter kita, yang menghalang pertumbuhan dan keberhasilan rohani kita. Sebagaimana Ibrani 12:9-10 menerangkan: “*Oleh itu, kita harus menerima hukuman yang dikenakan oleh Bapa kita yang di syurga, supaya kita hidup. Bapa kita yang di dunia menghukum kita hanya untuk masa pendek ketika kita masih anak-anak, menurut apa yang dirasakan baik oleh mereka. Tetapi Allah menghukum kita untuk kebaikan kita sendiri, supaya kita dapat menjadi suci seperti Dia.*”

Apakah tujuan “pemangkasan” ini yang dilakukan oleh Bapa syurgawi kita? Matlamatnya jelas diterangkan dalam Yohanes 15:8: *“This is to My Father’s glory, that you bear much fruit, showing yourselves to be my disciples.”* **Adakah saya dan anda sedar bahawa Tuhan sangat dimuliakan apabila kita berbuah amat lebat?**

### BERDOA UNTUK NEGARA: Melaka

- Untuk kerajaan negeri dan majlis tempatan: *lelaki dan wanita yang ada integriti dan nama baik – yang mengutamakan kepentingan awam lebih daripada kepentingan sendiri – mendapat kedudukan penting; agar hati dan telinga mereka memberi perhatian kepada nasihat yang baik, serta melakukan perkara yang benar di hadapan Tuhan.*
- Bagi Ketua Menteri dan majlis eksekutif negeri supaya bekerjasama dengan baik untuk kepentingan rakyat.
- Gereja: a) *Mohon Tuhan untuk membangun Gereja-Nya dan memberkati umat-Nya dengan visi dan kesatuan yang dibaharu; b) Keprihatinan yang dibaharui dalam kalangan umat-Nya bagi penyelamatan banyak orang; agar ada keyakinan, keberanian dan kepekaan dalam mengongsikan serta menghabarkan Berita Baik dan menyatakan kuasanya; c) Bagi Sekolah-Sekolah Misi untuk mempunyai pengetua Kristian yang salih, guru-guru yangbaik, dan kebebasan untuk menjalankan perkumpulan pelajar Kristian.*



## Carang: Kita adalah Carang-Carang-Nya, Dialah Pokok Anggur

*"Akulah pokok anggur dan kamu carang-carangnya. Sesiapa yang tetap bersatu dengan Aku, dan Aku dengan dia, akan berbuah lebat; kerana tanpa Aku, kamu tidak dapat berbuat apa-apa. Sesiapa yang tidak tetap bersatu dengan Aku, akan dikerat seperti carang lalu menjadi kering. Carang-carang seperti itu akan dikumpulkan lalu dibuang ke dalam api dan dibakar."* John 15:5-6

**A**yat-ayat ini mengingatkan kita bahawa kitalah carang-carang dan Kristus ialah Pokok Anggur. Carang-carang perlu tetap bersatu dengan pokok anggur dan mendapat khasiat daripada pokok anggur untuk bertumbuh dengan baik dan menjadi sihat serta berbuah. Jika tanah tidak subur dan pokok anggur tidak mendapat khasiat dan air yang sepatutnya untuk bertumbuh, maka keadaan ini sangat menjelaskan pertumbuhan carang-carang.

Anak-anak Tuhan, kita mempunyai Pokok Anggur yang mempunyai segalanya dan tidak akan kering. Pokok Anggur itu ialah Tuhan Yesus Kristus. Dia mempunyai segala kecukupan, segala kemampuan, segala pengetahuan, segala kuasa dan menjadi Pembekal segala sesuatu bagi kita. Dia tidak dipengaruhi oleh keadaan yang sukar di dunia atau di angkasa lepas, kerana Dia mengawal segala keadaan di alam fizikal dan alam roh.

Oleh itu, janganlah kita tolak segala yang ingin diberikan oleh Allah Bapa kepada kita pada setiap hari, melalui Tuhan kita Yesus Kristus, iaitu kuasa Roh Kudus, firman Tuhan, kurnia-kurnia rohani, dan pimpinan serta bimbingan-Nya dalam hidup kita.

*"Oleh itu, marilah kita dengan penuh keberanian menghadap takhta Allah, kerana di situ rahmat-Nya melimpah. Di situ kita akan menerima belas kasihan-Nya dan mengalami kasih-Nya, pada masa kita memerlukan pertolongan."* Ibrani 4:16

**Adakah kita benar-benar percaya bahawa Tuhan kita akan membekalkan SEMUA keperluan kita menurut kekayaan dan kemuliaan-Nya melalui Yesus Kristus?**

### BERDOA UNTUK NEGARA: Preguam Negara

- Cinta akan kebenaran dan keadilan.
- Takut akan Tuhan agar mereka menegakkan keadilan bagi semua orang.
- Agar Peguam Negara dan semua stafnya mempunyai keberanian untuk menolak pencubaan, tekanan dan rasa takut pada manusia.



## Carang: Hidup yang Dimurnikan

*Yosua berkata kepada umat itu, "Sucikanlah diri kamu kerana esok TUHAN akan melakukan mukjizat di tengah-tengah kamu." Yosua 3:5*

*Sesiapa yang membersihkan diri daripada segala ajaran sesat, akan digunakan untuk tujuan yang mulia. Dia telah mengabdikan diri kepada Tuannya dan berguna bagi-Nya. Dia sedia digunakan untuk semua pekerjaan yang baik. 2 Timotius 2:21*

Tuhan boleh memilih untuk tidak memakai manusia jika hati mereka tidak terarah kepada-Nya. Jika Tuhan ingin melakukan sesuatu yang penting dalam kehidupan seseorang, dan ingin memakainya untuk tujuan Tuhan, Dia akan mula menarik hati orang tersebut ke arah kesucian, keadilan dan kemurnian. Tuhan akan menggerakkan orang itu untuk menyucikan diri bagi Tuhan sepenuhnya.

Perkara itu demikian kerana dosa menghalang Tuhan melakukan kehendak-Nya bagi umat-Nya (Mazmur 66:18). Tuhan berseru agar ada penyucian melalui pertaubatan yang mendalam dan sungguh-sungguh. Dia memohon hati yang dibersihkan daripada kecemaran dan tangan yang disucikan daripada perbuatan yang tidak benar. Apabila perkara ini dilakukan dengan kesungguhan dan kebenaran, Dia seringkali bergerak dan melakukan keajaiban tanpa batas. Pada waktu ini, hidup Pokok Anggur itu akan mengalir dengan bebas melalui carang-carang (umat Tuhan), dan kuasa-Nya akan mengalir melalui mereka.

Oleh itu, marilah mengizinkan Dia melakukan kehendak-Nya bagi kita. Kita mesti menyucikan diri, mempersebahkan tubuh dan kehidupan kita sebagai korban yang hidup kepada Tuhan, mencari kebenaran-Nya, dan mempersebahkan seluruh hidup kita kepada-Nya. **Sudahkah anda bertaubat di hadapan Tuhan agar tiada dosa yang menghalang pekerjaan-Nya dalam hidup anda dan melalui anda?**

### BERDOA UNTUK NEGARA: Hakim

- Kehakiman menjunjung Perlembagaan Persekutuan.
- Para hakim melaksanakan keadilan tanpa sikap berat sebelah. Hakim-hakim membuat keputusan menurut undang-undang dan bukti-bukti yang dikemukakan kepada mereka, serta bebas daripada politik dan rasuah wang.
- Membuat keputusan yang bebas dan berani – agar hakim-hakim cukup berani untuk membuat keputusan berdasarkan fakta, undang-undang dan perlembagaan, tanpa mempertimbangkan sama ada keputusan itu disukai ramai atau tidak, atau sama ada keputusan itu dipuji atau diejek oleh orang ramai. Agar membuat keputusan berdasarkan prinsip undang-undang dan perlembagaan.



## Carang: Kehidupan yang Menang

*Tidak ada bangsa mana pun, walaupun bangsa besar, yang mempunyai tuhan yang begitu dekat apabila diperlukan mereka sebagaimana TUHAN, Allah kita dekat kepada kita. Dia menjawab bila-bila sahaja kita berseru meminta pertolongan. Tidak ada bangsa mana pun, walaupun bangsa besar, yang mempunyai hukum seadil hukum yang sudah aku ajarkan kepada kamu hari ini?*

*Ulangan 4:7-8*

Kita sememangnya umat yang mendapat keistimewaan untuk mengenal Tuhan secara peribadi melalui Yesus Kristus, dan diberikan hak untuk menjadi anak-anak Tuhan. Kita boleh memanggil Tuhan “Abba, ya Bapa” dan kita boleh datang kepada-Nya pada bila-bila masa.

Sebagai umat Tuhan yang menerima kehidupan daripada Pokok Anggur secara percuma, kita bukan ditentukan untuk kalah melainkan untuk hidup dalam kemenangan. “Oleh itu, apakah yang boleh kita katakan sekarang tentang semua itu? Jika Allah berpihak kepada kita, siapakah dapat melawan kita?” (Roma 8:31).

Kuasa-kuasa yang menindas, masalah dan kuasa roh-roh jahat ada di dalam dunia ini dan tujuan semua itu adalah menghalang pertumbuhan rohani kita, mengganggu Injil Kristus, menyebabkan krisis dalam Gereja Tuhan, dan menentang perkembangan kerajaan Tuhan. Bagaimanapun, Tuhan Yesus telah memberi kita kewibawaan mutlak atas segala keadaan buruk dan kuasa-kuasa jahat (Markus 16:17; Lukas 9:1-2). Untuk menentang semua itu, kita harus: 1) berjalan dekat dengan Tuhan kita dan menerima Firman yang memberi hidup serta kuasa daripada-Nya, 2) menghadapi segala keadaan dengan iman dan kepercayaan kepada Tuhan, 3) menghadapi kuasa-kuasa jahat dengan iman dan keberanian, serta mengusir semuanya dengan nama Tuhan Yesus, 4) berjalan dalam ketataan kepada Firman Tuhan. **Adakah saya dan anda mengamalkan kewibawaan kemenangan yang diberi kepada kita dalam Kristus Yesus untuk menghadapi musuh-musuh kita dan menguatkuasakan Kerajaan Tuhan?**

### BERDOA UNTUK NEGARA: Peguam

- Agar mereka boleh dipercayai menyimpan rahsia, rajin mengkaji, tepat dalam analisis, betul dalam kesimpulan, mahir mengemukakan hujah, setia kepada klien, jujur kepada semua, sopan terhadap lawan, selalu memperhatikan suara hati.
- Agar setiap perkataan yang diucapkan mereka adalah kebenaran; setiap tindakan yang diambil adalah mengikut undang-undang. Agar mereka ada semangat untuk keadilan, kebolehpercayaan dan prinsip yang tegas di khalayak ramai dan dalam kehidupan keluarga.
- Agar pembelaan mereka menegakkan kebenaran, keadilan serta kasih, dan mereka mempunyai beban serta kerelaan untuk membela hak orang miskin dan yang kekurangan.
- Agar mereka berani dan berkesan dalam pembelaan dan sokongan terhadap kesucian nyawa manusia – dasar segala hak asasi manusia.



## Carang: Duta bagi Kristus

*Demikianlah kami berkata-kata bagi pihak Kristus, seolah-olah Allah sendiri memohon kepada kamu melalui kami. Kami menggesa kamu bagi pihak Kristus, supaya kamu membolehkan Allah mengubah kamu daripada musuh menjadi sahabat-Nya. 2 Kor. 5:20*

*Hendaklah cahaya kamu juga bersinar di hadapan orang, supaya mereka melihat perbuatan kamu yang baik, lalu memuji Bapa kamu yang di syurga. Matius 5:16*

**S**ebagai umat Tuhan, kita ialah duta-duta kerajaan Tuhan di negara kita. Kita mewakili Tuhan – Bapa syurgawi kita dan Yesus Kristus, Penyelamat kita – dan kita harus melakukannya dengan hormat, kebolehpercayaan, dan maruah. Kita harus menjalani hidup yang murni dan suci di hadapan Tuhan dan sesama manusia. Kita adalah duta bagi kasih Tuhan, kedamaian dan belas kasihan-Nya. Kita harus mengisyitiharkan tanpa kompromi, berita Tuhan mengenai penyelamatan dan kehidupan kekal kepada jiran-jiran kita dan kepada orang yang belum mendapat penyelamatan.

Sebagai duta Tuhan yang Maha Tinggi, pada setiap masa kita harus menjalani kehidupan dengan cara yang menyenangkan hati-Nya. Kita harus mewakili Iman Kristian dengan kebenaran, kebolehpercayaan dan kecemerlangan. Dengan semua tentang dan ketidakadilan yang kita nampak di sekeliling kita, kita harus mengampuni dan “*kalahkanlah kejahatan dengan kebaikan*” (Roma 12:21). **Adakah hidup anda bersinar bagi Kristus atau tiada bezanya dengan orang lain di dunia?**

### BERDOA UNTUK NEGARA: Kementerian Dalam Negeri

- Agar mereka sentiasa takut akan Tuhan. Agar mereka menjadi orang yang ada kebolehpercayaan, kerendahan hati dan kejujuran.
- Agar ada polisi yang merangkumi semua dan memberikan manfaat kepada rakyat serta menyokong masyarakat majmuk di negara kita, tanpa mengira agama, kedudukan dan bangsa. Berdoalah untuk menentang polisi yang memisah-misahkan bangsa yang berlainan.





## Carang: Teguh dan Kukuh

*Oleh itu, saudara-saudara yang aku kasih, hendaklah kamu teguh dan kukuh. Hendaklah kamu rajin bekerja untuk Tuhan, kerana kamu tahu bahawa semua yang kamu lakukan untuk Tuhan, tidak sia-sia. 1 Korintus 15:58*

*Hendaklah kamu waspada dan teguh dalam hidup kamu sebagai orang Kristian. Hendaklah kamu tabah hati dan sungguh-sungguh percaya kepada Tuhan. 1 Korintus 16:13*

Gereja di Malaysia sedang melalui masa-masa yang mencabar. Kita sedang mengalami keadaan-keadaan sukar yang belum pernah kita hadapi. Kita melihat strategi yang terang-terang oleh kumpulan-kumpulan lain untuk menukar agama dan menarik orang lari daripada Kristus, terutamanya di kawasan luar bandar dan di pedalaman. Dengan segala sokongan dan sumber yang diberi kepada kumpulan-kumpulan ini, mereka kelihatannya lebih kuat.

Tetapi kita tidak hilang harapan. Ketika menghadapi semua itu, Gereja mesti berdiri teguh dan kuat, untuk memenuhi panggilan dan matlamatnya dalam Tuhan. Tuhan Yesus berkata, "... *Dengan beralaskan batu inilah, Aku akan membina jemaah-Ku. Bahkan maut pun tidak dapat memusnahkannya!*" (Matius 16:18b). Pengharapan kita berlandaskan kepada SIAPA Tuhan itu dan atas firman-Nya bahawa Dia akan bertindak. Iaitu, Dia akan membangun Gereja-Nya. Oleh itu, marilah kita maju dalam iman dan menyerahkan diri kita sebagai rakan sekjera Kristus. **Adakah anda mengizinkan iman anda digoncang oleh keadaan persekitaran atau adakah iman anda berakar dalam Kristus satu-satunya?**

### BERDOA UNTUK NEGARA: Polis

- Agar anggota polis menghargai kebolehpercayaan, kejujuran, sikap objektif dan tidak berat sebelah. Berdoa bagi pembaharuan dalam angkatan polis supaya menjadi kenyataan.
- Mohon kepada Tuhan untuk memimpin mereka semasa bertugas pada siang dan malam untuk menjaga ketenteraman kita, dan supaya Tuhan melindungi mereka ketika menghadapi bahaya. Bersyukur kepada Tuhan kerana mendedahkan unsur-unsur pelampau dan kumpulan-kumpulan militan di negara kita. Mohon kepada Tuhan untuk menjaga dan melindungi polis kita, keluarga dan kawan-kawan mereka.
- Agar ada kerjasama antara polis dan bahagian pengawalan negeri (kehakiman, perundangan, dan pendakwa raya), kesemuanya perlu selaras dengan perkhidmatan bagi kepentingan awam.



## Carang: Mengimpak Masyarakat Kita

*Tetapi bagaimakah mereka dapat berseru kepada Tuhan jika mereka belum percaya kepada-Nya? Bagaimakah mereka dapat percaya kepada-Nya jika mereka belum mendengar perkhabaran tentang Dia? Bagaimakah mereka dapat mendengar perkhabaran itu, jika tidak ada yang mengisyiharkannya? Bagaimakah perkhabaran itu dapat diisyiharkan jika tidak ada orang yang diutus untuk mengisyiharkannya? Di dalam Alkitab tertulis begini, "Alangkah baiknya ketibaan orang yang membawa Berita Baik daripada Allah!" Roma 10:14-15*

*Pertama sekali aku menggesa supaya doa permohonan dan ucapan syukur disampaikan kepada Allah untuk semua orang.... Hal ini baik dan menyenangkan hati Allah, Penyelamat kita. Dia mahu semua orang diselamatkan serta mengetahui ajaran benar tentang penyelamatan. 1*

*Timotius 2:1,3,4*

**O**rang percaya dipanggil untuk menjadi garam dan terang di bumi, untuk membawa perubahan dan berkat Tuhan atas negara. Kita mempunyai Firman dan hidup kekal di dalam kehidupan kita melalui Kristus, Penyelamat kita. Kita mempunyai kebenaran dan berita yang memberikan hidup, yang dapat menyelamat dan mengubah kehidupan setiap individu di bumi. Tuhan tidak mahu kita menyimpan kebenaran ini untuk kepentingan diri sendiri. Sebaliknya, Dia ingin supaya semua kita keluar ke dunia dan menjadikan orang pengikut Kristus yang setia.

Oleh itu, penting sekali supaya semua umat Tuhan bangkit sebagai pengikut dan tidak berhenti begitu sahaja selepas bertaubat. Lagipun tanggungjawab utama Gereja dan para pemimpin gereja adalah mengajar dan melengkapi orang percaya untuk menjadi pengikut dan pemimpin yang akan mempengaruhi semua bahagian masyarakat. Hanya apabila seluruh tubuh Kristus bangkit dengan semangat untuk melakukan kehendak Tuhan, dengan dedikasi penuh dan keberanian bahawa kesan yang jelas dan nyata akan kita nampak dalam masyarakat kita. **Adakah kita kehilangan kuasa Injil Yesus Kristus untuk membawa perubahan kepada masyarakat di sekeliling kita?**

### BERDOA UNTUK NEGARA: Imigresen

- Agar mereka cukup berani untuk membela apa yang benar; agar berjaya melaksanakan perkhidmatan kepada orang awam.
- Agar mereka tepat masa, saksama dan boleh dipercayai ketika menjalankan tanggungjawab mereka.
- Agar mereka jujur dalam hal kewangan dan etika.



## Carang : Mempersiapkan Generasi Seterusnya

*Yosua anak Nun, hamba TUHAN itu meninggal ketika berumur seratus sepuluh tahun. Dia dikeluarkan di tanah miliknya sendiri, di Timnat-Serah, di perbukitan Efraim, di sebelah utara Gunung Gaas. Kemudian semua orang Israel daripada generasi itu meninggal. Generasi yang baru tidak mengenal TUHAN kerana mereka tidak mengalami apa yang telah dilakukan oleh TUHAN untuk Israel. Hakim-Hakim 2:8-10*

Masa depan Gereja di Malaysia bergantung pada persiapan yang kita berikan kepada generasi yang lebih muda untuk mengambil alih kepimpinan apabila pemimpin yang ada sekarang tidak terlibat aktif lagi. Keadaan menjadi kritis apabila ancaman dan cabaran yang lebih besar dihadapi oleh Gereja. Kita berada di persimpangan jalan – ramai antara pemimpin kita berada di fasa terakhir pelayanan mereka, dan kita ingin melihat barisan kepimpinan seterusnya untuk mengambil alih.

Masalah yang dihadapi oleh Israel selepas zaman Yosua adalah ketiadaan pemimpin yang jelas dan mampu, yang dapat mengambil alih. Bahkan ibu bapa pada masa itu tidak dapat mengajar dan membimbing anak-anak mereka sendiri, untuk mengenal dan hidup dalam ajaran Tuhan. Setelah generasi yang hidup pada zaman Yosua meninggal, generasi seterusnya tidak mengenal Tuhan dan pekerjaan besar yang dilakukan-Nya bagi Israel.

Oleh sebab tiada seorang pun yang cukup mampu untuk memimpin mereka, “Tiap-tiap orang melakukan apa yang dianggapnya benar” (Hakim-Hakim 21:25), sehingga Israel melalui zaman yang kacau dan tiada undang-undang. **Adakah anda melabur dalam generasi seterusnya yang menjadi pengikut Kristus? Apakah peranan anda dalam membina hubungan antara generasi?**

### BERDOA UNTUK NEGARA: Tentera Keselamatan

- Agar mereka bangkit sampai standard yang tertinggi dalam kerjaya mereka. Agar mereka menghendaki kejujuran, integriti dan kesetiaan.
- Bagi pengurusan baik, ketekunan, dan keputusan yang tepat diambil.
- Agar mereka menghormati pihak berkuasa dan mengamalkan kebertanggungjawaban.



## Buah: Pertama dan Terutama

*Baca Kejadian 1:28*

Tuhan kita memandang keberhasilan sebagai sesuatu yang amat penting. Sejak permulaan, perintah pertama yang diberikan Tuhan kepada lelaki dan perempuan yang mula-mula, selepas memberkati mereka, adalah “*Hendaklah kamu mempunyai anak cucu yang banyak*”. (Kej. 1:28). Mengapakah perintah ini yang pertama dan terutama? Kerana melalui perintah ini, manusia dapat memenuhi dan menguasai bumi – dengan itu meluaskan serta melaksanakan kekuasaan Raja atas semua.

Ada banyak perkara yang telah berlaku sejak perintah pertama itu diberi kepada Adam dan Hawa – Kejatuhan manusia, pembentukan bangsa Israel, penebusan melalui Yesus Kristus, dan kelahiran Gereja. Sebagaimana kita melihat melalui kata-kata Yesus dalam Yohanes 15:1-5, perintah Tuhan kepada manusia untuk beranak cucu yang banyak, kini mempunyai makna rohani. Dalam kitab Yohanes, “buah” boleh bermaksud hasil yang baik daripada kehidupan orang percaya – yang bukan hanya memberikan manfaat kepada pelaku, tetapi juga memberikan impak kepada orang lain dan memajukan tujuan-tujuan kekal Tuhan.

Oleh itu, kini masanya bagi kita untuk menyahut dan memenuhi panggilan Tuhan kepada manusia sejak permulaan. Kita telah dilahir semula ke dalam keluarga Tuhan. Tetapi soalannya adalah: **Adakah kita berhasil, melipatgandakan dan meluaskan Kerajaan Tuhan di mana saja Dia tempatkan kita?**

### BERDOA UNTUK NEGARA: Kelantan

- Berdoa bagi kerajaan negeri Kelantan, agar mereka mendapat pewahyuan dan pengertian yang lebih dalam tentang Tuhan satu-satunya yang benar. Berdoa agar ada mimpi dan penglihatan, serta pertemuan yang berkuasa dan yang membawa perubahan dengan Tuhan yang penuh kasih.
- Berdoa bagi masyarakat dan taman-taman perumahan yang dilanda banjir baru-baru ini. Berdoa agar mereka dapat memulihkan kehidupan mereka dan mendapat bekalan makanan, perubatan, pendidikan, dan keperluan asas yang lain. Berdoa untuk menentang segala bentuk mentaliti yang menuntut kelayakan bantuan, menerima kesukaran atau kemiskinan.
- Berdoa agar Gereja, melalui pekerjaan harian kita, dapat berdiri teguh dan membawa perubahan dalam masyarakat kita. Berdoa bagi pemimpin Kristian agar mereka bangkit, dan berusaha memulihkan serta memuridkan generasi yang sesat.



## Buah: Mengikut Jenisnya

*Baca Kejadian 1:11-13*

**S**ejak Penciptaan, Tuhan telah menetapkan prinsip pembiakan – setiap tanaman dan tumbuhan akan membiak mengikut jenis masing-masing. Kejadian 1:12 menggambarkannya: “Demikianlah tanah mengeluarkan segala jenis tumbuh-tumbuhan. Allah berpuas hati melihat hal itu.”

Selanjutnya, sains moden akan menyingkapkan misteri genetik, dan menemukan bahawa setiap benih mengandungi kod biologi yang perlu (DNA) untuk membiak mengikut jenisnya, sambil memastikan bahawa integriti setiap sel yang dibiak tetap terpelihara.

Prinsip ini diterapkan pada konsep keberhasilan dalam hal pemuridan . Dalam 1 Korintus 11:1, Rasul Paulus memberitahu jemaah, “Ikutlah teladanku, sebagaimana aku pun mengikut teladan Kristus.” Perhatikan seruan Paulus; dia tidak hanya menggesa mereka untuk “mengikut teladan Kristus”, tetapi dia menggunakan kehidupannya sendiri sebagai rujukan. Dengan demikian, dia memberi mereka contoh yang kelihatan dan nyata tentang ertiinya mengikut Kristus. Pada hakikatnya, Paulus tidak menghasilkan semula dirinya sendiri, melainkan sifat Kristus dalam kehidupan orang lain. Dengan cara inilah “DNA” Injil telah disebarluaskan seorang kepada seorang lain, daripada satu generasi kepada generasi seterusnya. **Adakah saya dan anda setia sebagai orang yang dipercayakan DNA Injil, dan setia menghasilkan semula apa yang diajarkan dan dipercayakan kepada kita, melalui kehidupan kita?**

### BERDOA UNTUK NEGARA: Pahang

- Berdoa bagi majikan pekerja asing di Cameron Highlands. Berdoa agar mereka memperlakukan dan mengupah pekerja mereka dengan adil. Berdoa bagi orang Kristian yang bekerja dalam kalangan mereka, agar mereka membawa perubahan bagi kesejahteraan mereka.
- Berdoa bagi orang Kristian yang bekerja di Genting Highlands. Berdoalah agar mereka mengerti tujuan dan panggilan mereka bekerja di Genting – agar mereka menggunakan kurnia dan sumber yang ada pada mereka untuk menyembuhkan, memulihkan dan membangun individu, keluarga, dan profesional.
- Berdoa bagi perlindungan sumber alam kita. Hutan hujan meliputi 2/3 negeri ini dan antara yang tertua di dunia. Berdoa bagi pihak yang berkuasa agar dapat mengurus sumber alam kita dengan kebijaksanaan, pengertian dan keadilan.



## Buah: Sembilan

*Baca Galatia 5:16-26*

Pokok yang baik menghasilkan buah yang baik, bukan buah yang buruk. Bagaimana kita dapat membezakan pokok yang baik dan pokok yang buruk? Yesus berkata bahawa perbezaannya dapat dilihat melalui buahnya! (Matius 7:18). Galatia 5:16-25 memberi kita senarai sembilan “buah” yang harus dihasilkan dan kelihatan dalam kehidupan orang percaya. Masalah timbul apabila kita berusaha menciptakan buah ini melalui keazaman manusiawi kita, yang sering berakhir dengan kegagalan atau kesudahan yang mengecewakan.

Dalam Yohanes 15, Yesus memberi kita jawapan bagi masalah tersebut. Dia memberitahu kita bahawa dengan tetap bersatu dengan Dia, kita boleh berbuah. Salah satu cara untuk memahami perkara ini adalah pertama-tama kita menemukan identiti kita dalam Tuhan dan bersatu dengan-Nya. Selepas itu, barulah kita dapat melakukan tugas yang diberikan-Nya kepada kita dan melayani dalam pelayanan yang ditentukan-Nya bagi kita. Hanya dalam Dia dan melalui Dia, kita boleh mendapatkan “khasiat” yang perlu untuk bertumbuh dan menghasilkan buah yang baik. Tetap bersatu dalam Kristus dan membina kehidupan kita di atas Firman-Nya akan memberi makan serta memulihkan jiwa kita, dan membuat sikap serta sudut pandangan kita selaras dengan kehendak Tuhan. Dengan kata lain, Tuhan lebih berminat terhadap perkembangan hidup kita daripada hal-hal yang kita dapat lakukan bagi-Nya.

Mungkin sudah sampai masanya kita mengubah keutamaan kepada tetap bersatu dengan Kristus, dan tidak bersandar pada kekuatan dan sumber kita sendiri yang terbatas untuk menjalani kehidupan yang suci dan berubah. Tiba masanya kita mengizinkan Tuhan untuk mengubah kita dengan sepenuhnya. **Adakah kita sendiri yang cuba membuat buah itu atau adakah ia dihasilkan kerana kita tetap bersatu dengan Kristus?**

### BERDOA UNTUK NEGARA: Terengganu

- Berdoa bagi Sultan, dan Menteri Besar, agar mereka mengutamakan rakyat dan masyarakat daripada kepentingan diri sendiri. Agar mereka memahami masalah dan kesukaran rakyat, dan bertindak balas dengan kebijaksanaan, belas kasihan dan kemurahan hati.
- Berdoa bagi 0.2% orang Kristian (banci 2010), agar mereka mempunyai pengertian yang betul tentang peranan dan pengaruh mereka dalam masyarakat, dan agar hubungan mereka dengan sesama, dan dengan Tuhan yang hidup akan bertambah kuat setiap hari.



## Buah: Kata-Kata Kita

*Baca Keluaran 23:19; Imamat 27:30. Baca Matius 12:33-37*

Dalam ayat-ayat yang kita baru saja baca, sekali lagi Yesus menggunakan metafora tentang keberhasilan. Bagaimanapun, isunya bukan ada buah atau tiada. Sebaliknya, Yesus bercakap tentang jenis buah – baik atau buruk. Akhirnya, setiap orang akan menghasilkan buah. Soalnya adalah – buah jenis apa yang akan anda hasilkan? Selain itu, bagaimana kita tahu buah jenis apakah yang dihasilkan? Jawapannya mudah: dengan kata-kata kita.

Kita hidup pada masa kata-kata kelihatannya tidak begitu diperhatikan. Kita semua sudah terlalu biasa dengan ungkapan seperti, “Bercakap senang saja,” dan “Buatlah apa yang dikatakan.” Namun, dalam bahagian ini kita melihat bahawa Yesus sangat menghargai kata-kata. Dia menerangkannya dengan jelas: kata-kata kita (buah) berasal daripada siapa diri kita (pokok) “Orang mengucapkan apa yang terkandung di dalam hati.” Ketika menyentuh tentang niat hati yang lebih dalam, Yesus menegur pokok yang buruk kerana mencuba untuk menghasilkan buah yang baik. Hal ini menunjukkan bahawa kita harus mempunyai integriti di antara niat dalaman dan percakapan luar. Apabila dua perkara searah – tindakan yang patut dan betul akan menyusul.

Janganlah kita menganggap ringan kuasa kata-kata yang diucapkan. Kerana melalui “kebodoohan” pemberitaan itulah ramai orang diselamatkan (1 Kor. 1:21). Sedihnya, hal yang bertentangan dengan itu juga benar – adakah kata-kata kita yang diucapkan dengan sembarangan telah menyakitkan, melukakan orang lain dan menjauhkan mereka daripada Tuhan dan gereja-Nya?

**Dengan memperhatikan amaran daripada Tuhan, adakah kata-kata kita membenarkan atau menghukum kita?**

### BERDOA UNTUK NEGARA: Sarawak

- Sarawak satu-satunya negeri di Malaysia yang mempunyai bilangan orang Kristian yang lebih banyak daripada orang Muslim (44% vs 30%, banci 2010). Berdoalah agar Gereja di Sarawak bersatu dan tekun dalam doa; dan menjadi penjaga negeri. Berdoalah bagi hati para pemimpin gereja, agar mereka mengenalpasti kehendak Tuhan dan berdoa dengan mempunyai strategi doa, wibawa dan ketekunan, untuk merobohkan kubu-kubu pertahanan dan meletakkan asas bagi kedatangan Kerajaan Tuhan.
- Berdoa bagi Ketua Menteri Tan Sri Datuk Patinggi Adenan Satem. Berdoa agar dia bertindak dengan adil dan saksama terhadap semua suku di dalam negeri, dan melaksanakan tugasnya dengan hikmat, kejujuran dan integriti. Berdoalah agar dia mendapat nasihat yang bijaksana daripada orang yang jujur, boleh dipercayai dan yang takut akan Tuhan.
- Berdoalah bagi suku-suku tempatan dan orang asal di negeri ini agar mereka terbuka kepada pimpinan Roh Tuhan yang lembut, supaya mereka mengalami anugerah dan belas kasihan Tuhan kita yang hidup.



# Buah: Aman dan Tenteram, Buah Kebenaran

*Baca Ibrani 12:7-11*

**K**itab Suci menerangkan tentang suatu jenis buah yang disebut “aman dan tenteram, buah kebenaran.” Dalam bahagian yang kita baca, penulis Ibrani menerangkan bagaimana Tuhan mendisiplin orang yang menjadi milik-Nya, seperti mana seorang bapa mendisiplin anak-anaknya. Akhirnya, disiplin adalah untuk kebaikan kita, agar kita dapat berkongsi dalam kekudusaan Tuhan (ay.10) dan menghasilkan buah kebenaran, iaitu keamanan dan ketenteraman.

Ada pola yang kita dapat perhatikan di sini: Pertama-tama ada kesakitan, baru ada keamanan; Pertama-tama ada disiplin, baru ada keberhasilan.

Adakah anda melalui kesukaran atau pengajaran, akibat dosa yang menyerang kehidupan anda? Adakah pemberontakan yang berterusan membawa anda ke jalan yang berbahaya, yang menjauahkan anda daripada Tuhan? Ketahulah, Tuhan tidak menentang anda – bahkan, Dia berpihak pada anda. Tetapi Dia menentang dosa, kerana dosa menyakiti anda dan orang di sekeliling anda. Sebagaimana setiap bapa yang mengasihi, Tuhan juga bertekad untuk melindungi anak-anak-Nya daripada apa pun yang menyakiti mereka.

Jika kita berjalan mengikut jalan kebenaran, kita akan mendapat ketenteraman dalam hati nurani sendiri dan dengan Tuhan. Nabi Yesaya menyimpulkannya dengan baik: *“Di mana ada kebenaran di situ akan tumbuh damai sejahtera, dan akibat kebenaran ialah ketenangan dan ketenteraman untuk selama-lamanya.”* (Yesaya 32:17 TB).

Ketenteraman adalah buah kebenaran. Damai sejahtera dijanjikan oleh Jesus kepada kita. Ketenteraman sepatutnya menjadi tanda utama bagi iman Kristian, di dalam dunia yang dipenuhi tekanan dan menuju kepada huru-hara. **Adakah saya dan anda memiliki damai sejahtera ini yang dihasilkan oleh kebenaran dan kehidupan yang suci?**

## BERDOA UNTUK NEGARA: Kebebasan Agama

- Berdoa agar kerajaan akan menegakkan prinsip hak kewarganegaraan yang sama rata untuk semua rakyat Malaysia, tanpa mengira suku bangsa, agama dan budaya. Mohonlah kepada Tuhan untuk mengawal segala usaha pihak yang ingin menjadikan satu etnik dan agama sebagai yang lebih utama daripada semua yang lain.
- Agar Perlembagaan Persekutuan ditegakkan dan dihormati lebih daripada semua hukum yang lain oleh kerajaan yang memerintah, agar suara daripada golongan sederhana dapat didengar. Berdoalah agar kerajaan mempunyai pendirian untuk menentang semua kumpulan pelampau.
- Berdoa bagi penyelamatan jiwa bangsa majoriti, agar hukum manusia yang ada tidak menjadi penghalang, dan kedaulatan Tuhan akan berkuasa dan Dia menyatakan diri kepada mereka.



## Buah: Akar-Akar Pahit

*Baca Ibrani 12:12-17*

**S**etelah menerangkan mengenai ketenteraman yang menjadi buah kebenaran, penulis kitab Ibrani seterusnya memberikan dorongan umat Tuhan untuk menguatkan diri mereka dan berusaha hidup rukun dengan setiap orang (ay.12-14). Dia mendorong Gereja untuk “Berjalanlah sentiasa pada jalan yang lurus,” supaya “kaki yang tempang itu tidak terkilir, tetapi menjadi sembah” (ay.13). Adakah bahagian hidup anda yang “tempang”, lemah dan menyebabkan anda tersandung dalam perjalanan anda bersama Tuhan? Janganlah berputus asa. Sebaliknya, teruslah berjalan dalam iman. *“Jauhkanlah dirimu daripada kejahatan dan hiduplah dengan jujur. Jangan menyimpang sedikit pun dari jalan yang benar,”* (Amsal 4:27), kerana mengetahui bahawa kesembuhan dan pemulihan sudah dekat.

Bagaimanapun, sedang kita bergerak maju, kita juga perlu memperhatikan amaran yang terdapat dalam ayat 15 – penulis memberi amaran terhadap “akar pahit” yang timbul dan menyebabkan masalah bukan hanya kepada diri sendiri, tetapi kepada orang lain juga, sehingga mencemarkan ramai orang. Sama ada masalah itu adalah hubungan yang rosak, anak yang sengaja memberontak terhadap ibu bapanya, atau bahkan perpecahan dalam Tubuh Kristus – kebanyakan masalah boleh dijejaki sehingga akar pahit, yang telah mencari jalan sampai ke hati melalui sesuatu yang menyakitkan hati, dendam dan sikap tidak mengampuni.

Adakah ini bererti bahawa meskipun anda berniat baik, anda masih menuai buah yang buruk kerana anda belum mencabut akar pahit dalam hidup anda? **Terimalah rahmat Tuhan dan lakukan apa yang perlu untuk mencabut akar pahit itu dari hati anda.**

### BERDOA UNTUK NEGARA: Pelayanan Keluarga

- Berdoa bagi asas Alkitabiah yang kuat dalam keluarga, untuk membina rumah tangga yang kuat, agar dapat mengimpak dan mempengaruhi generasi seterusnya. Berdoa bagi keluarga yang dalam kesukaran agar setiap komplot dan serangan si jahat terhadap keluarga-keluarga tersebut akan dipatahkan.
- Berdoa bagi ibu bapa supaya hidup bagi kemuliaan Tuhan dalam setiap segi kehidupan mereka. Berdoa bagi ibu bapa yang komited, yang sengaja mengutamakan pemuridan dan penggembalaan keluarga mereka.
- Berdoa bagi anak-anak dan kaum belia generasi ini agar mereka menjadi pengikut Kristus yang bersemangat. Agar mereka mempunyai asas yang kuat dalam Firman dan dilengkapi dengan pandangan dunia yang berasaskan Alkitab, agar mereka bijaksana dan mempunyai hikmat untuk membuat pilihan yang betul menurut standard Tuhan, dan bukan mengikuti nilai-nilai dunia.



# Buah: Perumpamaan Pokok Ara

*Baca Lukas 13:6-8*

**A**da dua perkara yang dituntut oleh Tuhan daripada kita. Yang pertama adalah kesetiaan dan yang kedua, keberhasilan. Dengan kata lain, tidak cukup untuk berkata kita setia dalam pelayanan kepada Tuhan tanpa memeriksa sama ada kita benar-benar menghasilkan buah mengikut kehendak-Nya. Penting juga kita memikirkan hal ini kerana mungkin kita sedang berusaha melakukan sesuatu yang di luar rancangan Tuhan. Meskipun kita tulus dalam pelayanan, ada kalanya kita juga silap – jika kita tidak dipimpin oleh Roh Kudus. Perkara ini berlaku kerana hati kita adalah penipu.

Yesus menggambarkan kebenaran ini ketika Dia menceritakan Perumpamaan Pokok Ara, dan menggunakan untuk melambangkan peluang terakhir Israel untuk bertaubat sebelum menghadap hukuman Tuhan. “Setahun lagi” yang diberi kepada pokok ara itu untuk berbuah melambangkan tempoh kesempatan dan peluang tambahan untuk bertaubat. Sekiranya pokok ara itu tidak juga berbuah, maka ia akan ditebang.

Kita juga perlu mengerti tentang keterdesakan masa ini. Rahmat dan kesabaran Tuhan terhadap kita tidak sepatusnya dianggap mudah dan remeh. Pada satu pihak, pokok ara itu memang “hidup” tetapi tidak menghasilkan buah sebagaimana yang dituntut oleh Tuan. Begitu juga dengan kehidupan Kristian kita yang kelihatan “hidup”, tetapi sebenarnya ia kering dan tidak berbuah. **Adakah kita berpegang pada kesalihan luaran semata-mata tetapi menafikan pekerjaan sebenar Roh Kudus dalam hidup kita?**

## BERDOA UNTUK NEGARA: Masyarakat

- Berdoa bagi perdamaian antara generasi tua dan generasi muda. Berdoa agar tembok keangkuhan, permusuhan, dan hak milik diganti dengan jambatan kasih, kerendahan hati dan dorongan.
- Mohon kepada Tuhan untuk menyingkirkan banjir kejahatan di negara kita. Ombak ketamakan, rasuah, nafsu berahi, penyalahgunaan dadah, rogol, pembunuhan, kasihan pada diri sendiri, yang mengancam untuk melemaskan negara kita. Berdoalah agar cahaya-Nya akan bersinar dan melenyapkan kegelapan. Tuntutlah setiap pintu masuk, dan berdoa bagi keselamatan yang kukuh dan kewaspadaan oleh pihak berkuasa terhadap jenayah, militan radikal, pemerdagangan manusia, ke dalam Malaysia.
- Berdoa bagi beberapa NGO dan organisasi yang berusaha menambahbaik masyarakat kita: membersihkan saluran air, menjaga anak yatim, memberi makan kepada yang kelaparan, menjaga orang sakit, orang tidak berdaya dan orang tua, menjaga haiwan dan banyak lagi hal yang lain. Berdoa bagi kebijaksanaan, dan perkenan Tuhan atas mereka untuk menerima dana dan bahan sumber yang lebih baik.



# Pemangkasan: Pemangkas Agung

*Baca Yohanes 15:1-2*

**M**emangkas adalah amalan hortikultur yang melibatkan pemotongan secara sengaja, tertentu dan bertujuan akan beberapa bahagian suatu tanaman, untuk memastikan kesihatan dan keberhasilannya. Tentu sekali si pemangkas mengenali serta menjaga tanaman tersebut. Dalam bahagian ini, Yesus secara khusus menggelar Bapa-Nya sebagai pengusaha ladang anggur – Pemangkas agung, yang bertanggungjawab atas kerja memangkas tanaman di bawah penjagaan-Nya.

Hubungan Tuhan dengan anak-anak-Nya pasti berdasarkan kasih. Dia mengenali setiap kita secara peribadi dan intim, dan sangat memperhatikan kita – sebagaimana peladang memperhatikan tanamannya. Tuhan memang mengetahui apa kekuakatan dan kelemahan kita (Mazmur 139).

Oleh sebab kita mengenal siapa Tuhan itu dan bagaimana peribadi-Nya, maka kita yakin bahawa kita dalam penjagaan yang baik. Dia memangkas kita bagi kebaikan kita sendiri, tetapi Dia juga mendisiplin kita kerana kita ialah anak-anak-Nya (Ibr. 12:4-6). Dengan itu, kita bertindak bijak untuk menyerahkan diri kita kepada pemangkasan oleh Tuhan.

**Adakah anda dan saya rela menyerahkan diri kepada Tuhan supaya kehidupan kita dipangkas, agar kita melaksanakan tujuan Tuhan bagi kehidupan kita?**

## BERDOA UNTUK NEGARA: Kementerian Komunikasi dan Media

- Kementerian ini diketuai oleh Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek pada masa ini. Berdoalah agar setiap keputusan yang diambil olehnya akan ditunjang oleh nasihat yang bijak, dan dilakukan untuk kebaikan semua orang. Berdoalah untuk integriti, ketulusan, kesaksamaan dan belas kasihan dalam pemikiran, kata-kata dan tindakannya.
- Berdoalah bagi pemikiran yang waras, pandangan yang salah dan pengertian akan keperluan negara. Berdoalah agar dusta daripada musuh didedahkan dan dipermalukan.
- Berdoalah agar menteri ini mempunyai perhubungan yang baik dengan pihak atasan, sekutu, rakan, sidang akhbar dan staf kementerian. Berdoalah agar dia mempunyai integriti yang kuat sehingga dapat menyalahkan rasuah.
- Berdoalah agar dalam dunia yang bergerak cepat dan tanpa sempadan ini, Tuhan akan menggunakan kementerian ini untuk menyaring unsur yang penuh nafsu berahi, keganasan, bahaya dan negatif yang diakses dengan mudah dalam Internet. Berdoalah agar mereka yang ditugaskan untuk membuat penapisan adalah orang yang benar, berintegriti dan jujur.



## Memangkas: Kesudahan yang Diinginkan

**A**pabila pekebun memangkas tanaman yang berbuah, tujuannya adalah untuk membuat tanaman itu menghasilkan buah yang baik. Proses memangkas dilakukan dalam beberapa tahap. Pertama, pekebun memotong carang-carang yang dia tahu tidak akan berbuah.

Ada berapa sebabnya carang tidak berbuah. Salah satunya adalah carang itu tidak sihat, dan ia seperti itu kerana bekalan khasiat daripada pokok atau batang utama telah tersekat.

Sebab yang lain mungkin kerana carang itu ada penyakit. Carang yang kekurangan khasiat akan mudah diserang oleh penyakit, yang menyebabkan carang itu tidak berbuah dan akhirnya carang itu kering dan mati. Jika carang itu dibiarkan bersambung dengan tanaman tersebut, carang yang mati itu boleh menjadi tempat penyakit untuk merebak, yang akan menjangkiti carang-carang lain, bahkan merosakkan seluruh tanaman anggur di ladang.

Sebagaimana seorang peladang yang baik menjaga tanamannya, Tuhan tidak akan membenarkan penyakit dosa untuk membarah tanpa disekat dalam kehidupan kita. **Adakah saya dan anda memperhatikan penyakit yang menyerang kita secara rohani dan seluruh tubuh Kristus?**

### BERDOA UNTUK NEGARA: Akhbar

- Berdoa bagi semua pemilik surat khabar agar mereka dapat menseimbangkan keuntungan dengan tanggungjawab. Berdoa bagi pendirian yang benar, dan bagi keinginan yang sungguh untuk menggunakan masa, bakat dan sumber untuk kebaikan negara.
- Berdoa bagi para editor dan wartawan dalam syarikat-syarikat akhbar utama di negara ini, sama ada akhbar dalam talian atau bercetak. Berdoalah agar mereka melaporkan yang benar tanpa takut atau pilih kasih. Berdoalah bagi keberanian untuk berpegang pada pendirian moral. Berdoalah bagi pemikiran yang waras dan sihat serta sudut pandangan yang benar tentang negara.
- Berdoalah bagi orang Kristian yang bertugas dengan surat khabar. Berdoalah bagi kepekaan pada Roh Kudus, untuk kebijaksanaan, integriti dan kebenaran, agar mereka dapat memulakan projek-projek yang membawa perubahan dalam masyarakat mereka dan negara. Berdoalah agar mereka menyerahkan kemahiran mereka sebagai ahli sidang akhbar untuk mempengaruhi pendapat supaya sesuai dengan kehendak Tuhan, dan bekerja dalam kekuatan dan kuasa Roh Kudus, dan bukan dengan hikmat mereka sendiri sebagai manusia.



## Memangkas: Cara dan Proses

Pada waktu Yesus menerangkan cara memangkas yang dilakukan oleh peladang, Dia menggunakan perkataan “potong” dan “pangkas”. Apabila carang dipotong, itu kekal – kerana itu, tindakan tersebut bukan sembarang. Ia hanya dilakukan pada masa dan tempat yang perlu. Pemotongan itu dibuat pada carang-carang yang sudah mati atau berpenyakit sehingga tidak dapat ditebus lagi. Carang-carang yang sudah dipotong itu dikumpulkan lalu dibakar (Yohanes 15:6).

Memangkas juga melibatkan pemotongan. Bagaimanapun, proses pemangkasan sering dilakukan untuk meningkatkan keberhasilan nanti. Apabila peladang memangkas, sering kali niatnya adalah untuk menambahbaik kesihatan seluruh tanaman, supaya ia berbuah lebih banyak.

Memangkas adalah suatu kegiatan yang selalu dilakukan, konsisten dan sistematik, untuk memastikan potensi tanaman itu dicapai. Seorang pekebun menjaga dengan rapi tanaman di bawah jagaannya agar dipangkas dengan baik dan dengan itu, tetap sihat. Demikian juga dengan Tuhan kita. Dialah Gembala kita yang baik, yang sentiasa memperhatikan kita, kawanan domba-Nya (Yohanes 10). **Bolehkah saya dan anda tetap mempercayai Gembala yang Baik meskipun kita tidak dapat memahami jalan yang Dia bawa kita tempuh?**

### BERDOA UNTUK NEGARA: Seni dan Hiburan

- Bumi adalah milik Tuhan dan segala isinya! Panggillah daya kreatif untuk mengungkapkan dan meraikan siapa Tuhan itu melalui media seni dan hiburan untuk memuliakan-Nya! Mohonlah kepada Tuhan untuk mendedahkan segala niat yang bertentangan dengan kehendak Tuhan dan juga rasuah dalam bidang ini, dan supaya Dia mengirimkan kesedaran yang sungguh untuk menimbulkan rasa tidak suka akan nilai-nilai yang bertentangan dengan kehendak Tuhan, terutamanya dalam kalangan generasi muda.
- Berdoa bagi orang Kristian dalam industri seni dan hiburan agar mendapat pemahaman tentang panggilan mereka, iaitu menebus kurnia seni dan mereka cipta karya untuk memuliakan Dia.
- Mohon kepada Tuhan untuk memanggil dan mengurapi orang Kristian ke dalam bidang ini dan melepaskan sumber-sumber untuk menghasilkan karya yang cemerlang, yang menyatakan nilai-nilai, kelakuan dan gaya hidup yang sesuai dengan kehendak Tuhan.



## Memangkas: Pemotongan yang Menyembuhkan

Dalam proses pemangkasan, tidak semua pemotongan dilakukan untuk tujuan pemenggalan kekal. Ingatlah, matlamat akhir proses ini adalah untuk keberhasilan. Oleh itu, tujuan utama seorang peladang yang memangkas adalah melindungi dan memulihkan kesihatan tanamannya.

Apabila sebatang carang dihadapi penyakit, tindakan pertama si peladang adalah memotong bahagian yang dijangkiti. Ini akan menghalang penyakit itu daripada merebak. Dia akan berhati-hati dan teliti supaya tidak memotong terlalu banyak carang, kerana jika demikian, tanaman itu akan terjejas. Dia juga memastikan agar tanaman itu dapat pulih dan dia akan berusaha sedaya upaya supaya tanaman itu kembali sihat.

Pemangkasan yang dilakukan Tuhan dalam kehidupan kita adalah untuk menyingsirkan penyakit yang menjelaskan kesihatan rohani kita.

Apabila Dia memangkas kita, tentu sekali Dia juga hendak memulihkan dan menyembuhkan kita, agar kita benar-benar mencapai potensi yang disediakan-Nya bagi kita. Dengan kata lain, kerja “memotong” yang dilakukan Tuhan akan menyembuhkan kita. **Adakah saya dan anda mempunyai ketahanan dan ketabahan untuk menanggung pemotongan itu, agar ada kesembuhan?**

### BERDOA UNTUK NEGARA: Perlis

- Isytiharkan kemuliaan Tuhan untuk menyinari penduduk Perlis, agar syurga dibuka bagi mereka. Orang Kristian yang sedikit di Perlis hanya terdapat di daerah Kangar. Berdoalah agar mereka bangkit dan berada di barisan depan untuk menangani gejala sosial.
- Kerajaan negeri telah melonggarkan peraturan terhadap poligami. Tindakan ini telah ditentang oleh beberapa kumpulan wanita di dalam negara. Berdoalah agar Tuhan campur tangan dalam pelaksanaan polisi ini.
- Penyeberangan sempadan ke Thailand di Padang Besar dan Wang Kelian telah menjadi tempat-tempat transit banyak orang untuk tujuan menyeludup dan kemasukan pendatang tanpa izin. Berdoalah agar anggota tentera dikuatkan oleh Tuhan untuk menghentikan kegiatan haram di sempadan.



## Memangkas: Untuk Berbuah Lebih Lebat

**P**emangkasan bukan sahaja melibatkan carang-carang yang tidak sihat atau berpenyakit. Yesus berkata, “*setiap carang yang berbuah dipangkas oleh-Nya supaya bersih dan berbuah lebih lebat.*” Di sini Dia menyatakan bahawa carang yang dipangkas itu sihat juga kerana ia berbuah. Mengapa pula ia perlu dipangkas?

Dalam pengertian hortikultur, carang-carang yang cukup sihat pun perlu dipangkas daripada apa-apa yang menghalangnya bertumbuh dan berbuah.

Demikian juga, walaupun banyak orang Kristian mempunyai perhubungan yang berterusan dan sihat dengan Tuhan, kita masih boleh dipengaruhi oleh faktor-faktor luaran yang mungkin mengganggu perjalanan kita bersama-sama Tuhan. Kita semua cenderung menjadi lemah, lalai, acuh tak acuh secara rohani, atau bahkan berbuat dosa yang mudah sekali melanda kita.

Kita semua merupakan pekerjaan yang sedang dibuat, dan Tuhan belum selesai pekerjaan-Nya dalam kehidupan kita. Kita harus ingat bahawa ketika sedang dipangkas, rancangan Tuhan yang sempurna adalah untuk kebaikan kita, dan bukan untuk mencederakan kita – walaupun sebahagian rancangan itu adalah menyingkirkan hal-hal yang baik, supaya kita mempunyai yang terbaik. **Adakah hal-hal “ekstra” dalam kehidupan anda yang menghabiskan masa dan tenaga anda, sehingga anda menjadi kurang berbuah?**

### BERDOA UNTUK NEGARA: Kedah

- Sampaikanlah kesejahteraan ilahi daripada Tuhan untuk rakyat Kedah yang amat berharga, agar damai sejahtera-Nya menjadi kenyataan dalam kehidupan sehari-hari mereka. Berdoa bagi masyarakat Kristian yang kecil di Kedah, agar Tuhan memberi mereka kesatuan hati dan keberanian untuk menjadi saksi-Nya. Berdoalah agar lebih banyak guru-guru Firman Tuhan akan bangkit dan agar terdapat buah-buah yang kekal dalam penjangkauan kaum muda.
- Kemiskinan adalah kenyataan hidup yang dialami oleh banyak keluarga di tempat seperti Baling dan Kubang Pasu. Berdoa syafaat agar ada langkah-langkah yang diambil untuk menambahbaik kehidupan mereka.
- Puncak Gunung Jerai (puncak gunung yang tertinggi di Kedah) dipercayai sebagai tempat tinggal roh-roh, dan kadang-kadang orang pergi ke sana untuk mencari kuasa ghaib melalui pertapaan. Berdoalah agar orang yang pergi ke gunung ini untuk mencari kuasa ghaib akan bertemu dengan Tuhan yang Maha Hidup pula.



## Memangkas: Harapan si Peladang

Peladang tidak letih-letih memastikan agar tanamannya sihat dan berbuah. Bagi segala usahanya, dia tidak akan puas melihat tanamannya sihat sahaja, tetapi berbuah sedikit sahaja atau tiada buah sama sekali.

Begitu juga halnya, Tuhan sentiasa bekerja bersama kita dan dalam kita melalui Roh Kudus, supaya kita mempunyai perhubungan yang kekal dan bermakna dengan Dia. Dia hendak melihat semua anak-Nya menghasilkan buah kebenaran, dan menjalani kehidupan yang berkelimpahan melalui Kristus Yesus. **Adakah anda sedar akan harapan dan visi Tuhan bagi kehidupan anda?**

### BERDOA UNTUK NEGARA: Penang

- Tempat keagamaan yang banyak terdapat di Pulau Pinang mencerminkan tarikan penduduknya terhadap apa yang dianggap ilahi. Pulau ini mempunyai patung Guan Yin, dewi belas kasihan, yang paling besar dalam negara. Perayaan tahunan Feast of St Anne di tanah besar di Bukit Mertajam pula menarik ramai sekali orang pada setiap tahun. Berdoalah agar "Mutiara Timur" ini dapat mencari kunci ke dalam kerajaan syurga dalam pencarian rohaninya.
- Bandar Georgetown telah menjadi pusat perniagaan sejak abad ke-19. Nilai-nilai kebendaan menjadi sebahagian hidup orang di sini. Berdoalah untuk menentang sikap bergantung pada diri sendiri yang menyebabkan hati menjadi keras secara rohani.
- Cabutlah kegiatan gengster yang membawa kesengsaraan. Kegiatan ini telah bermula sejak kebangkitan aktiviti kongsi gelap Cina semasa pemerintahan British. Berdoa juga untuk menentang kekacauan dan percubulan dalam bentuk pelacuran, sumbaleweng dan penyeludupan dadah.



## Memangkas: Mengurangkan

**W**alaupun pemangkasan Tuhan terhadap kehidupan kita itu tidak dapat dielakkan, namun kita boleh mengurangkan masa dan bahagian yang perlu dipangkas. Kita boleh melakukan ini dengan hidup sihat secara rohani.

Agar carang-carang tetap sihat, carang mesti tetap bersatu dengan pokok anggur. Yesus ialah Pokok Anggur yang sejati, dan kita sebagai carang hendaklah sentiasa bersatu dengan-Nya – kerana Dialah sumber kehidupan kita dan segala sesuatu yang kita perlu untuk hidup, bertumbuh dan berbuah. Jika kita bersatu dengan Pokok Anggur yang Sejati, kita boleh menerima kekuatan dan perlindungan daripada penyakit rohani yang mungkin menyakitkan kita.

Satu lagi cara untuk mengurangkan pemangkasan dalam hidup kita adalah dengan membuang hal-hal dalam kehidupan kita yang menggunakan banyak bahan sumber kita, tetapi tidak mempunyai nilai kekal yang sebenar. Jika kita tetap bersatu dengan Pokok Anggur yang Sejati, Dia memberi kita kebijaksanaan untuk mengetahui apa yang harus disimpan dan apa yang dibuang.

Cara yang lain lagi adalah untuk berbuah. Tetapi hal ini hanya berlaku jika kita tetap sihat secara rohani dan mengizinkan Tuhan untuk memimpin ke mana bahan sumber kita harus disalurkan. Apabila kita bekerjasama dengan Tuhan, dan memainkan peranan kita untuk mengurangkan bahagian hidup kita yang perlu dipangkas, kita juga memastikan bahawa kita dirangsang untuk menghasilkan buah yang kekal. **Apakah beberapa hal yang anda boleh lakukan terhadap keadaan rohani anda yang dapat mengurangkan keperluan pemangkasan?**

### BERDOA UNTUK NEGARA: Perak

- Berdoalah bagi penduduk Perak agar mereka melihat kenyataan belas kasihan Tuhan dalam kehidupan mereka. Perak mempunyai bilangan kampung baru Cina yang terbanyak di Malaysia – 134 jumlahnya – dan sangat sedikit orang Kristian di sana. Berdoalah agar Injil diberitakan dengan cara yang relevan, dan yang mengatasi semua budaya.
- Kuil Buddhist Tibet yang paling besar di Malaysia terletak di Tambun. Berdoalah bagi orang yang sering pergi ke tempat ini supaya mereka akan mengenal Tuhan Yang Maha Tinggi, iaitu Jalan, Kebenaran dan Hidup.
- Pangkalan tentera laut negara yang utama terletak di Lumut. Berdoalah agar hadirat Tuhan bersinar pada angkatan tentera laut yang berada di pangkalan ini, agar Tuhan memberi mereka strategi yang dapat mengawal keselamatan kawasan perairan negara.



## Firman Tuhan Tinggal dalam Kita: Alkitab sebagai Firman Tuhan dan Wahyu Istimewa

**Y**ohanes 15 menyatakan bahawa bersatu dengan Kristus juga bererti Firman-nya tinggal tetap atau hidup dalam kita. Tetapi, apakah maksud “Firman Tuhan”?

Dalam bentuk tunggal, “Firman” atau “Alkitab” – terdiri daripada 66 kitab dalam Alkitab (atau “biblion” dalam bahasa Yunani) – menegaskan pada SATU ungkapan Tuhan. Ini juga diterapkan pada perkataan “Taurat” – sama ada yang ditulis oleh Musa atau nabi-nabi lain. Semua didikan, perintah, peraturan, panduan, undang-undang, janji, amaran, keputusan, dsb. Berasal daripada Tuhan.

Pada zaman Yesus, istilah “Alkitab” kebanyakannya kali merujuk kepada teks Perjanjian Lama, yang mengandungi pelbagai skrol dan kitab. Semua itu diakui sebagai firman daripada Tuhan – yang suci dan sah, tidak boleh dilanggar, dan akan ditepati. Akhirnya, Alkitab memberikan kesaksian tentang Mesias, iaitu, Yesus Kristus.

Dalam kalangan para Rasul dan dalam Gereja awal, Alkitab itu masih memainkan peranan penting. Paulus berkata bahawa Alkitab “boleh memberi engkau kebijaksanaan untuk mendapat penyelamatan melalui iman kepada Kristus Yesus.” Dan “untuk mengajar apa yang benar, untuk menegur dan membetulkan apa yang salah, dan untuk mengajar orang supaya hidup menurut kehendak Allah.” Sampai pada hari ini, Gereja injili terus menerima Firman Tuhan yang tertulis – iaitu, Alkitab – sebagai wahyu istimewa daripada Tuhan tentang diri-Nya, dan melalui kehidupan, kematian serta kebangkitan Yesus Kristus, manusia boleh diselamatkan. Kewibawaan dan kuasa Alkitab secara universal telah disahkan dengan berulang kali, sepanjang sejarah.





Dalam syarahan perpisahan Yesus sebelum Dia mati (dicatat dalam Yohanes 15—17), Tuhan memberitahu para pengikut-Nya bahawa cara untuk mengatasi kelemahan mereka, tentang dunia, dan pengaruh Iblis, mereka harus tinggal tetap dalam Firman-Nya, dan membiarkan Firman-Nya tinggal tetap dalam hidup mereka. Inilah juga kuncinya, kata-Nya, untuk menghasilkan buah dan membuktikan bahawa mereka ialah pengikut-Nya yang sejati. **Adakah kita mengutamakan Firman Tuhan dengan begitu baik atau adakah kita menganggapnya mudah saja?**

#### BERDOA UNTUK NEGARA: Pemerintah

- Isytiharkan berkat Tuhan atas Yang Di-Pertuan Agong dan para sultan di negeri-negeri, termasuk para isteri dan seluruh keluarga mereka. Semoga perkenan dan belas kasihan Tuhan dinyatakan kepada mereka.
- Berdoalah agar mereka menjalani kehidupan yang boleh menjadi teladan sehingga orang lain pun tertarik dan mencontohnya. Berdoalah agar mereka bersuara bagi pihak semua tanpa takut atau pilih kasih.
- Puji Tuhan atas lelaki dan wanita dalam keluarga diraja yang telah menggunakan kedudukan mereka untuk memperjuangkan perkara kebijakan dan sosial yang telah memberi manfaat kepada rakyat. Berdoalah agar usaha mereka boleh dilipatgandakan dan membawa perubahan yang positif.





## Firman Tuhan Tinggal Tetap dalam Kita: Firman sebagai Wahyu Semula Jadi

**D**i dalam dunia moden yang sudah menjadi global, mempunyai pelbagai budaya, pelbagai agama, maka kita mesti ingat bahawa Tuhan juga berfirman melalui alam semula jadi, sejarah manusia, seni dan sains, kerana semua itu pun memancarkan “tangan dan tapak kaki” – itu adalah wahyu semula jadi daripada Tuhan. Meskipun semua itu bukan seperti Kitab Suci – iaitu wahyu khas daripada Tuhan, semua itu adalah bukti luaran daripada-Nya, dan mengesahkan kesaksian kita mengenai Dia.

Maksudnya tetap tinggal dalam Firman Tuhan adalah juga menyembah Dia dengan segenap fikiran kita (Mat. 22:37; Mrk 12:30; Luk 10:27). Firman Tuhan menyatakan bahawa alam semula jadi mengumumkan kemuliaan-Nya (Mzm 8, 9:1), pujian-Nya (Mzm 89:5) dan kebenaran-Nya (Mzm 97:6).

Firman Tuhan boleh bertahan terhadap apa saja penyelidikan dengan fikiran terbuka, rasional dan yang mengkritik, kerana segala kebenaran berasal daripada Pencipta kita. Dia telah menjadikan seluruh bumi dan manusia, mengikut rupa-Nya. Alam semula jadi dan sejarah tidak dapat menggantikan Alkitab. Sebaliknya, semua itu memimpin kita kepada Pencipta kita.

Orang Kristian tidak seharusnya membiarkan dirinya dibutakan oleh “kepintaran” atau kesempitan pemikiran, seperti banyak pelampau agama dan kaum. Dia juga tidak sepatutnya digoncangkan oleh kepercayaan dan nilai-nilai yang menjadi kelaziman. Orang Kristian percaya bahawa hanya Alkitab yang menjadi Firman Tuhan yang berwibawa – dengan demikian, kita tidak seharusnya menghargai wahyu alam semula jadi sahaja. Sebaliknya, kita harus memberikan hormat dan sembah kepada Tuhan, kerana Dialah Pencipta dan Penebus bagi segala sesuatu. Kita harus mengasih Tuhan dan mengasih sesama kita menurut perintah-Nya. Kita harus menjadi pengurus yang baik terhadap bahan sumber yang telah diberikan-Nya kepada kita. Tetapi pada masa yang sama, kita mesti ingat supaya tidak menjadi “terlalu berfikiran syurgawi sehingga tiada kegunaan di bumi”!

Sebaliknya, marilah melengkapi diri kita dan bersedia untuk menunjukkan kasih-Nya, mengongsikan Firman-Nya, menceritakan penyelamatan-Nya, mencontohi Kristus dan memasyurkan Dia, di dunia yang sesat. **Adakah anda cukup kukuh dalam pemahaman tentang iman sehingga berkesan dalam interaksi dengan dunia?**

### BERDOA UNTUK NEGARA: Perdana Menteri

- Sokonglah dalam doa Perdana Menteri agar dia dapat melaksanakan tugasnya dengan baik sebagai pemimpin negara, meskipun menghadapi banyak sekali tekanan dan cabaran.
- Agar Tuhan memberikan Perdana Menteri penasihat, lelaki dan wanita, yang bijaksana, waras dan takut akan Tuhan.
- Berdoalah agar dia dan keluarganya mengalami belas kasihan dan rahmat Tuhan.



## Firman Tuhan Tetap Tinggal dalam Kita: Firman dan Roh

Kadang-kadang kita menjadi bingung kerana kata-kata dan idea. Hal ini sering berlaku dengan “jargon” Kristian atau gereja – misalnya, apakah maksudnya bahawa Tuhan boleh “berfirman melalui Roh Di Dalam”, atau apakah maksudnya “Terang” dalam seseorang? Adakah ini melibatkan suara hati atau hati nurani seseorang? Adakah ini gerak hati atau khayalan seseorang – lagipun, kadang-kadang Tuhan berfirman melalui cara yang “subjektif” seperti mimpi dan penglihatan.

Golongan Quakers pada abad ke-17 percaya bahawa “Terang daripada Kristus yang Di Dalam” memberikan pimpinan dalaman dan kepastian penyelamatan kepada orang Kristian. Bagaimanapun, mereka terlalu bersandar kepada iman yang “subjektif” sehingga mereka telah menolak bentuk-bentuk ibadah, liturgi dan rasmi, yang lebih tradisional.

Oleh sebab itu, golongan Pembaharu – untuk meresponi hal ini – mendesak agar kewibawaan Kitab Suci dan doktrin Alkitabiah sering dikhutbahkan dengan setia dan tepat; dan juga mengakui bahawa gerakan dan suara Roh Kudus yang lebih subjektif dan peribadi itu pun ada tempatnya yang penting.

Alkitab sering kali mengaitkan Firman dengan Roh Kudus (Ef. 3:5; Ibr 4:12). Dalam seluruh Kitab Suci, jelas juga bahawa Roh Tuhan dan Firman selalu bergerak bersama-sama. Seperti mana yang dikatakan dengan bijaksana oleh seseorang, “Jika kita hanya mempunyai Firman, kita akan kering. Jika dengan Roh sahaja, kita akan ‘meletup’. Kita memerlukan Firman dan Roh untuk BERTUMBUH”.

Janganlah kita berpecah belah atau mencari perpecahan. Sebaliknya, marilah kita selalu mencari gabungan dan kesatuan Firman dan Roh. Dikotominya tidak betul jika harus memilih satu antara yang dua. Kita harus dipimpin oleh prinsip Alkitab, dibimbing oleh Roh, dalam kehidupan dan pelayanan kita. **Bagaimana saya dan anda dapat mengamalkan keseimbangan ini?**

### BERDOA UNTUK NEGARA: Menteri Kabinet

- Agar mereka takut akan Tuhan, walaupun mereka tidak mengenali-Nya secara peribadi.
- Berdoalah agar mereka berpegang pada pengurusan yang berjimat cermat terhadapkekayaan negara dan merumuskan polisi ekonomi yang bijak dan menguntungkan semua rakyat Malaysia.
- Agar mereka membuat pendirian yang jelas dan adil untuk menentang segala bentuk faham pelampau yang mengancam perpaduan negara, dan semua bentuk penggubalan undang-undang yang menghakis hak asasi suku dan agama minoriti akan dibatalkan.
- Agar ahli politik Kristian ada keberanian untuk mengambil setiap peluang untuk “bersuara di hadapan raja-raja” sebagaimana yang diarahkan oleh Roh Kudus.



## Firman Tuhan Tinggal Tetap dalam Kita: Firman dan Kuasa

**T**uhan berfirman dan alam semesta pun wujud! Dia berfirman dan Firman-Nya tidak dibatalkan. Firman Tuhan itu berkesan (Yesaya 55:10-12) dan ditepati, seperti yang dinyatakan alam kelahiran Kristus (Luk. 1:37). Setelah melihat janji-Nya dipenuhi, Tuhan “melaksanakan Firman-Nya” (Ula. 9:5)

Terdapat beberapa implikasi yang penting di sini: Firman membawa kuasa Tuhan, kita dapat mengikuti contoh Yesus dan menggunakan Firman bukan hanya ketika berkhutbah – tetapi juga untuk kesembuhan dan kebebasan orang daripada belenggu Iblis. Empat kitab Injil menjadi kesaksian bagi pelayanan “KSB” Yesus – Khutbah, Sembuh dan Bebas. Sebagai orang Kristian yang mencontohi Kristus, kita perlu memasukkan pelayanan ini ke dalam bidang kita masing-masing, sebagai doktor, pendidik, pembekal bantuan krisis, dan dalam pelayanan gereja kita.

Pada masa ini kita melihat orang Kristian dari pelbagai latar belakang dan denominasi gereja yang menerapkan dengan lebih menyeluruh, kuasa Firman Tuhan dalam pelayanan doa syafaat dan peperangan rohani – yang merangkumi mengucapkan Firman ke dalam (petikan daripada Pope Francis) “yang paling kurang, yang paling kecil, dan yang Hilang”, dan bahkan kepada “kuasa jahat di angkasa dan roh-roh yang berkuasa” (secara politik dan rohani).

Di tengah-tengah semua ini, penting juga kita memupuk pemikiran yang berdasarkan doktrin teologi yang Alkitabiah. Firman memang berkuasa – dan seperti senjata atau alat berkuasa yang lain, ia dapat membina jika digunakan dengan betul – tetapi jika disalahguna, ia dapat memecah belah dan merosakkan (Iblis telah banyak kali menyalahgunakan firman Tuhan, termasuklah memutarbelitkannya untuk menipu Adam dan Hawa di Taman Eden). **Adakah kita percaya bahawa Firman Tuhan itu mempunyai kuasa dan tidak akan kembali dengan sia-sia?**

### BERDOA UNTUK NEGARA: Kerajaan Persekutuan

- Berdoalah agar Kerajaan Persekutuan akan berfungsi dengan berkesan sebagai pusat pentadbiran negara.
- Berdoalah agar ada keadilan dan kejujuran dalam pengagihankekayaan negara oleh Kerajaan Persekutuan kepada negeri-negeri dalam Persekutuan.
- Berdoalah bagi pelaksanaan projek pembangunan agar telus dan betul oleh Kerajaan Persekutuan kepada negeri-negeri.



## Firman Tuhan Tinggal Tetap dalam Kita: Firman sebagai Injil (1) - Isi dan Beritanya

Injil bukan hanya sebahagian Firman Tuhan – ia adalah inti dan fokus utama Firman Tuhan. Istilah “Injil” (gospel) diambil daripada perkataan English kuno “godspel” yang bererti “god-story” (cerita Tuhan) atau “berita baik” – yang juga terjemahan semula perkataan Yunani Perjanjian Baru, “evangelion” yang bererti “berita baik”.

Inti Injil adalah misi. Iaitu, Gereja dilihat sebagai alat untuk memenuhi misi Tuhan untuk menyelamatkan dunia. Yesus diutus oleh Bapa, dan kita diutus ke dunia untuk membawa berita tentang penyelamatan daripada-Nya untuk orang lain.

Bagaimanapun, sebagai golongan “injili”, kita terlalu berpusat pada firman sehingga kita tidak melihat fokus pada misi. Kita lupa bahawa Firman Tuhan memantulkan sifat-Nya dan hati-Nya – yang selalu ingin menebus dunia yang hilang melalui janji-Nya tentang kasih dan penyelamatan, bagi orang yang bertaubat melalui iman dalam Yesus Kristus.

Tuhan itu Suci, Adil dan Berbelas Kasihan; hukuman dan penyelamatan daripada-Nya adalah dua sisi daripada berita Injil yang sama. Firman menyebut tentang pengampunan, kasih kurnia dan belas kasihan bagi orang yang bertaubat (Yesaya 55:10), tetapi bagi orang yang sengaja tidak mahu bertaubat, mereka akan dimurkai dan dijatuhi hukuman.

Tetapi puji Tuhan kerana dalam Yesus Kristus kita diselamatkan, dilahirkan semula, dibersihkan, dimurnikan, dimuliakan, ditebus, dan dijadikan baru – didamaikan dan dibenarkan di hadapan Bapa. Marilah kita bersyukur, dan mendapat keyakinan dalam kepenuhan berkat daripada Injil (Roma 15:29). **Adakah kita bersukacita atas warisan agung yang boleh didapati oleh semua orang yang menerima Kristus atau adakah kita tidak lagi berasa kagum terhadap semua itu?**

### **BERDOA UNTUK NEGARA: Kerajaan Negeri dan Tempatan**

- Berdoalah bagi para Ketua Menteri/Menteri Besar di setiap negeri agar mereka mentadbir negeri masing-masing dengan berkesan.
- Berdoalah agar kebenaran, integriti, kecekapan dan keadilan menjadi tunjang kerajaan negeri, majlis tempatan dan majlis khas tempatan.
- Berdoalah agar wakil rakyat yang dipilih dalam kerajaan negeri akan menjalankan tugas dengan baik.



## Firman Tuhan Tinggal Tetap dalam Kita: Firman sebagai Injil (2) - Misi dan Penginjilan

**S**ejak permulaan, Tuhan telah mempersiapkan umat-Nya, Israel, supaya bermisi. Dia memerintah mereka untuk memberkati bangsa-bangsa dengan berita baik tentang kasih dan penyelamatan daripada-Nya. Panggilan utama-Nya bagi Gereja adalah membawa Injil ke hujung bumi (Mat 28:18; Mrk 16:15; Luk 24:46; Yoh 20:21; Kis 1:8). Gereja awal melihat Berita Baik tentang penyelamatan disebarluaskan melalui kesaksian orang Kristian yang mula-mula dan juga para rasul. Terdapat beberapa bukti yang menunjukkan bahawa Injil diberitakan bahkan di luar Empayar Roma dalam abad pertama selepas kematian Yesus. Pada abad ketiga, seluruh Empayar Roma yang dahulunya menganiaya Gereja, secara rasminya telah menjadi Kristian.

Bagaimanapun, kemajuan pemberitaan Injil mula merosot pada permulaan milenium yang pertama, dan dunia masuk ke Zaman Pertengahan. Pada masa inilah Gereja Roman Katolik mula mengabaikan kuasa Injil, dan sebaliknya memberikan fokus kepada kuasa keagamaan dan politik. Namun setelah itu, Gereja Roman Katolik mengalami pembaharuan yang melahirkan penjangkauan misi yang penting melalui pendidikan, perkhidmatan sosial dan perubatan, yang masih ada sampai sekarang.

Oleh itu, kita melihat bahawa bila saja Gereja mulai larai dalam pelaksanaan Amanat Agung, Tuhan akan mendatangkan pembaharuan melalui cara-cara lain – seperti yang berlaku ketika Gereja Roman Katolik mula merosot, gerakan Pembaharuan dan kebangunan rohani Protestan mulai bangkit – untuk memastikan bahawa berita Injil terus disebarluaskan.

Yohanes 15 mengingatkan kita bahawa keberhasilan rohani tidak mudah terjadi. Sering kali proses pemangkasan diperlukan untuk memastikan agar “carang-carang” Kristus itu sihat dan terus menghasilkan buah. Syukurlah, kerana meskipun ada kesukaran dan pengujian yang kita harus tanggung, bahkan semasa melalui proses pemangkasan yang menyakitkan, kita sentiasa diperhati dan diawasi oleh Bapa kita yang selalu mengasihi kita. **Adakah saya dan anda mempunyai hati yang selalu sedia untuk misi dan penginjilan?**

### BERDOA UNTUK NEGARA: Ahli Parlimen

- Berdoa bagi semua wakil yang dipilih (parti Kerajaan dan Pembangkang), agar Tuhan akan menerangi hati mereka dengan rasa takut akan Tuhan, agar mereka berkhidmat bagi kawasan mereka tanpa mementingkan diri.
- Berdoa bagi Suruhanjaya Pilihan Raya yang menyelia Pilihan Raya Umum negara setiap lima tahun; berdoalah agar integriti, kebebasan dan keobjektifan suruhanjaya ini akan ditegakkan.
- Berdoalah agar lebih banyak Ahli Parlimen Kristian yang menjadi garam dan terang, dan bersuara menentang amalan dan prinsip yang tidak sesuai dengan ajaran Tuhan.



## Firman Tuhan Tinggal Tetap dalam Kita: Firman Tuhan dalam Kita - Mazmur 119

**M**ariyah menutup renungan minggu ini dengan penjelasan klasik bagi Mazmur 119 yang telah ditulis dengan amat mengagumkan. Berikut ini kita tonjolkan beberapa ciri penting Mazmur tersebut:

### 1) *Pengulangan yang Kudus*

Dalam Firman Tuhan, terdapat pengulangan yang teliti dan bermatlamat mengenai tema utama, iaitu siapa Tuhan itu dan apa yang dilakukan-Nya, seperti, penyelamatan dan pemurnian, hukum dan peraturan-Nya, dsb. Setiap pengulangan menerangkan dengan lebih lanjut bahawa Firman Tuhan itu adalah pemimpin mutlak kita untuk menuju destini yang diberi oleh Tuhan kepada kita.

### 2) *Tuhan yang memahami dan melibatkan diri-Nya dalam ciptaan-Nya.*

Perkara ini ditunjukkan dari ayat satu Mazmur ini – dalam nama yang ditulis dalam huruf besar “TUHAN” atau dalam Ibrani “YAHWEH” – iaitu nama Tuhan yang peribadi, berhubungan dan pembuat perjanjian. Dia bukan hanya memberi kita Firman dan perintah-Nya, tetapi Dia secara peribadi datang bersama-sama kita, sambil menguatkan kita untuk melaksanakannya.

### 3) *Firman-Nya memberikan sukacita sejati.*

Sebagai Bapa yang mengasihi, Tuhan hendak memberkati anak-anak-Nya dan melihat mereka benar-benar gembira. Bagaimanapun, tanpa Firman Tuhan, sukacita yang sejati tidak dapat diperolehi. Bahkan orang Kristian yang “baik” pun tidak gembira, jika mereka tidak tinggal tetap dalam firman-Nya. Oleh itu, lapan ayat yang pertama dalam Mazmur 119 – dimulakan dengan huruf pertama dalam abjad Ibrani – menjelaskan bahawa sukacita dan kekudusan yang sejati selalu bergandingan.

**Baca Mazmur 119 dan izinkan Tuhan untuk berfirman kepada anda.**

### BERDOA UNTUK NEGARA: Wilayah Persekutuan – Kuala Lumpur, Labuan, Putrajaya

- Berdoalah bagi perubahan di tempat tinggi kerana kebenaran akan mengangkat martabat negara – agar orang benar, lelaki dan wanita, akan ditempatkan untuk duduk di “pintu-pintu gerbang kota”, agar negara diberkati.
- Berdoalah agar Tuhan campur tangan dan mengimpak budaya WP dengan cara yang berkuasa, agar hadirat-Nya mendatangkan perubahan besar kepada kehidupan sehari-hari penduduk WP, dan supaya Gereja-Nya di WP akan benar-benar berkesan.
- Berdoalah agar anugerah penebusan tanah akan dinyatakan dan WP akan menjadi berkat kepada semua kumpulan orang.



## Kuasa apabila Tinggal Tetap: Kebergantungan Anak

*Yohanes 15:7 – “Jika kamu tetap bersatu dengan Aku, dan ajaran-Ku kamu simpan di dalam hati, mintalah apa sahaja yang kamu kehendaki daripada Bapa, dan permintaan kamu itu akan dipenuhi.” (Alkitab Berita Baik)*

*Yohanes 14:10 – “Filipus, tidakkah kamu percaya bahawa Aku bersatu dengan Bapa, dan Bapa bersatu dengan Aku? Apa yang Aku katakan kepada kamu semua, tidak datang daripada Aku sendiri. Bapa, yang tetap bersatu dengan Aku melakukan semua itu.” (Alkitab Berita Baik)*

**Y**esus ialah Tuhan sepenuhnya dan Manusia sepenuhnya. Perkara ini biasanya diajar dalam Dasar Kepercayaan Kristian, namun seumur hidup pun tidak akan cukup untuk benar-benar memahami misteri ketuhanan dan kemanusiaan Kristus. Ada banyak sekali soalan yang merangkumi misteri yang indah ini, dan salah satunya adalah: jika Yesus itu Tuhan sepenuhnya, sama taraf dengan Bapa, mengapa pula Dia masih memerlukan Bapa-Nya bagi pelayanan-Nya di bumi?

Kita tahu bahawa sebelum Yesus datang ke bumi, Dia memang sentiasa berada di pangkuhan Bapa-Nya (Yoh 1:18). Pada waktu pelayanan-Nya di bumi, Yesus terpisah secara fizikal daripada Bapa-Nya tetapi Dia memilih untuk tetap bergantung pada Bapa-Nya dengan menyerahkan hak untuk berdikari. Sebagai Anak, Dia harus selalu bertanya kepada Bapa-Nya, “Abba, apakah yang Engkau fikir? Apakah yang Engkau katakan? Apakah yang Engkau lakukan?” Perbualan yang sering berlaku dengan Bapa, membuat Yesus intim dengan-Nya.

Demikian juga, kewibawaan dan kuasa rohani tidak dapat dipisahkan daripada hubungan kasih dengan Tuhan. Anak Manusia sendiri tidak ada kuasa tanpa Bapa-Nya (Yohanes 5:19). Sebagai pengikut-Nya, kita juga harus tinggal tetap dalam Dia dan bergantung penuh pada-Nya bagi setiap pelayanan yang Dia panggil kita lakukan. **Adakah saya dan anda mempunyai keintiman dan kerendahaan hati untuk bergantung pada Bapa bagi segala sesuatu?**

### BERDOA UNTUK NEGARA: Sabah

- Berdoa bagi kesatuan antara orang Kristian anak negeri dan kesedaran bahawa masa sudah suntuk. Agar ada orang muda dari antara anak negeri yang bangkit menjadi pemimpin. Agar gereja tempatan mengetahui hak mereka yang termaktub pada waktu pembentukan Malaysia.
- Berdoa bagi keselamatan di sempadan dan perlindungan terhadap serangan pengganas. Berdoa bagi semua yang terlibat dalam patrol sempadan (polis, RELA, tentera, dsb.) supaya berkesan dalam penguatkuasaan tugas mereka. Berdoa agar kerajaan mempunyai kebijaksanaan untuk menangani isu pendatang tanpa izin.
- Berdoa bagi pembangunan infrastruktur di luar bandar (jalan raya, elektrik, air, dsb.) untuk dilaksanakan dengan sewajarnya.



## Kuasa ketika Tinggal Tetap: Adakah Anda Bangun?

*Matius 26:41, "Berjaga-jagalah dan berdoalah supaya kamu tidak mengalami cubaan. Memang kamu ingin melakukan apa yang benar, tetapi kamu tidak sanggup kerana tabiat manusia lemah."*

**S**egalanya sepi di Getsemani pada malam itu, kecuali bunyi rintihan Tuhan yang sedang berdoa. Sekali lagi Yesus pergi dan berdoa, "Ya Bapa, jika cawan penderitaan ini tidak dapat dijauhkan daripada-Ku, tetapi harus Aku minum, biarlah kehendak Bapa berlaku." Peluh-Nya mengalir dan menitis ke tanah, bagaikan titisan darah. Dalam kesakitan-Nya, malaikat-malaikat hanya datang untuk menguatkan Dia supaya dapat bertahan menanggung kesedihan besar yang akan datang, tetapi bukan untuk menyingkirkan cawan penderitaan daripada-Nya.

Para pengikut-Nya, kerana keletihan sepanjang hari, tertidur ketika tuan mereka berdoa. Tiga kali, seperti tertulis dalam kitab Matius, Tuhan membangunkan mereka daripada tidur untuk berdoa. Pada kali ketiga dan terakhir, pengawal-pengawal Rumah Tuhan sampai untuk menangkap Yesus. Mereka membawa Dia pergi. Dia tidak melawan kerana Dia tahu itulah kehendak Bapa.

Dalam beberapa jam selepas itu, salah seorang pengikut-Nya menyangkal Dia, seorang pula bunuh diri, dan yang lain bersembunyi kerana takut diperlakukan seperti tuan mereka. Oleh itu, kata-kata Yesus dibuktikan benar: hanya orang yang berdoa dapat bertahan masa pencubaan. Yesus mempunyai banyak sekali malaikat yang bersedia menyelamatkan Dia, tetapi Dia tidak jatuh ke dalam pencubaan itu. Oleh sebab Dia bergelut dalam doa, Dia dapat membiarkan tubuh-Nya binasa di atas salib demi penyelamatan semua umat manusia. **Adakah anda dalam keadaan tidur rohani, atau adakah anda berjaga-jaga dan sedar diri dalam doa anda?**

### BERDOA UNTUK NEGARA: Kementerian Pendidikan

- Berdoa agar roh kebijaksanaan daripada Tuhan, nasihat, pengetahuan dan pengertian dikurniakan kepada Kementerian Pendidikan. Berdoa bagi: Menteri Pendidikan, pembuat polisi, penulis kurikulum, pegawa pendidikan (peringkat daerah, negeri dan persekutuan), pengetua sekolah, guru, jurulatih guru, kaunselor, lembaga disiplin, dan lembaga sekolah serta PIBG.
- Berdoa agar Kementerian Pendidikan sengaja memulakan program yang mananamkan nilai-nilai salih dan membangkitkan generasi belia yang produktif dan sihat, yang mengamalkan gaya hidup, kebiasaan dan sikap yang sihat.



# Kuasa ketika Tinggal Tetap: Tempat Tersembunyi; Permulaan Kecil

*Kisah 13:22, “... Allah menjadikan Daud raja mereka. Inilah yang dikatakan oleh Allah tentang Daud, ‘Aku mendapatkan Daud anak Isai seorang yang menyenangkan hati-Ku. Dia orang yang akan melakukan segala kehendak-Ku.’”*

Pada waktu Daud masih muda, dia tidak kelihatan seperti calon yang boleh menjadi raja. Mungkin ketinggiannya dua atau tiga kaki lebih pendek daripada abang-abangnya yang tinggi dan tegap. Sebagai gembala domba yang muda (menjaga kawanan ternak bapanya yang paling lemah), dia menghabiskan masa berlatih melesingkan ali-alinya dan bernyanyi lagu-lagu kepada Tuhan di belakang bukit-bukit di Betlehem. Abang-abangnya mungkin telah menerima peluang-peluang yang lebih baik untuk mengasah sifat kelelakian mereka dengan melakukan kerja-kerja yang lebih “penting” bagi bapa mereka atau dengan menjadi askar. Jika dilihat dari luar, tiada tanda apa-apa yang menunjukkan bahawa suatu hari kelak budak gembala itu akan menjadi ketua seluruh bangsa.

“Janganlah pandang parasnya atau perawakan yang tinggi, sebab Aku telah menolaknya. Bukan yang dilihat manusia yang dilihat Allah; manusia melihat apa yang di depan mata, tetapi Tuhan melihat hati,” firman Tuhan kepada Samuel, ketika dia memilih seorang raja antara anak-anak lelaki Isai.

Manusia cenderung terlalu mengutamakan hal luaran, sehingga mereka sama sekali mengabaikan latihan hati. Pada waktu permulaan kecil-kecilan bagi Daud, dia benar-benar mencari Tuhan dalam penyembahan dan melatih hatinya supaya kuat di dalam Dia yang dikasihinya. Bukan kerana kekuatan badan dan kepintaran pahlawan yang membuat Daud mengalahkan Goliat. Malah, ia disebabkan hatinya yang menjadi kuat secara tersembunyi. **Apakah yang sedang berlaku di bahagian-bahagian yang tersembunyi dalam kehidupan anda?**

## BERDOA UNTUK NEGARA: Pra-Sekolah

- Berdoalah agar ada kebijaksanaan bagi Pengusaha Pra-Sekolah dan guru-guru untuk menempatkan keselamatan, kebajikan dan pertumbuhan seimbang anak-anak sebagai fokus utama. Berdoa agar Kementerian Pendidikan ada kebijaksanaan untuk mengawal selia dan menyejaras keperluan operasi untuk memastikan penjagaan dan pendidikan berkualiti diberikan. Berdoa agar pusat-pusat yang berasaskan agama Kristian diperkenan oleh pihak kerajaan.
- Berdoa bagi ibu bapa supaya berhati-hati memantau pertumbuhan holistik anak dan tidak terlalu memberikan tekanan akademik. Agar sebarang kesukaran/masalah pembelajaran dikenalpasti dan bantuan penting pada peringkat awal diberikan. Berdoalah agar anak-anak yang masih muda akan bertumbuh dalam keyakinan dan menemukan bakat serta kebolehan mereka dalam persekitaran yang gembira dan selamat.
- Berdoa agar pra-sekolah Kristian akan menemukan cara-cara yang kreatif dan berkesan untuk menjadikan kebenaran Kristus dasar rohani yang kuat dalam kehidupan anak-anak.



## Kuasa ketika Tinggal Tetap: Pahlawan yang Berani

*Yosua 1:9, "Ingartlah perintah-Ku kepadamu supaya engkau yakin dan berani! Jangan takut ataupun tawar hati, kerana Aku, TUHAN, Allahmu, menyertai engkau ke mana sahaja engkau pergi."*

Yosua terkenal sebagai salah seorang pahlawan agung dalam Perjanjian Lama. Dia dibangkitkan sebagai pemimpin pada masa itu dalam sejarah Israel. Pada waktu itu, Tuhan harus membawa mereka berperang dengan bangsa-bangsa lain di hadapan mereka, sebelum mereka sampai ke Tanah Perjanjian. Kita kadang-kadang menganggap Yosua sebagai pemimpin yang sangat berani, dengan perwatakan yang garang dan bersiap sedia untuk berperang. Bagaimanapun, semakin kita membaca tentang dia, semakin kita mengenali dia sebagai orang biasa – dalam hal dia juga bergelut dengan rasa takut dan ugutan.

Sebenarnya, ketika Yosua mendengar perkataan “jangan takut” dalam Yosua 1:9, itu bukan kali pertama. Ulangan 31:6-8 memberitahu kita bahawa Musa telah pun mengatakan kata-kata itu kepadanya di hadapan semua orang Israel. Orang yang sudah sedia berani tidak perlu diingatkan sampai berulang kali untuk menjadi berani.

Namun, meskipun dia takut, dia bertekad dalam hatinya untuk menyelesaikan tugasnya, menurut janji kehadiran Tuhan. Dari permulaan sampai akhir, Tuhan Yang Maha Kuasa ada bersama-sama Dia dan menjadi sumber kekuatan-Nya. Apabila kita maju dalam iman, kita tidak perlu takut kerana Tuhan kita ada bersama-sama kita dan berpihak pada kita. **Oleh itu, apakah ketakutan yang masih menghalang anda?**

### BERDOA UNTUK NEGARA: Kementerian Hal Ehwal Agama

- Berdoalah agar hak-hak agama ditegakkan seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.
- Berdoalah agar perlindungan, kekuatan dan kebijaksanaan Tuhan diberikan kepada para pemimpin untuk bersuara menentang pemikiran sempit terhadap agama.
- Semasa kita menghadapi semakin banyak cabaran berkaitan dengan hak dan kebebasan agama, berdoalah agar bukan hanya pembalasan dan pembesasan daripada Tuhan diberikan, tetapi berdoa juga dengan mengucapkan Doa Bapa dan Khutbah di Bukit atas keadaan tersebut. Berdoalah:
  - a) Agar nama Tuhan dihormati dan dimuliakan, agar Kerajaan-Nya datang, dan kehendak-Nya berlaku di bumi seperti di syurga.
  - b) Agar, sebagaimana yang diisyiharkan oleh Yesus dalam Khutbah di Bukit, kita boleh bersukacita dan amat berbahagia di tengah-tengah penganiayaan, diskriminasi agama dan cabaran yang berat.



## Kuasa ketika Tinggal Tetap: Berpuasa dan Berpesta

*Matius 11:11, “Ketahuilah! Yohanes Pembaptis lebih besar daripada semua orang yang pernah hidup di dunia ini. Namun demikian orang yang terkecil antara mereka yang menikmati Pemerintahan Allah, lebih besar daripada Yohanes.”*

**S**iapakah Yohanes ini, orang liar dari tanah gurun Yudea? Mungkin kata-kata itu dibisikkan dalam kalangan orang ramai yang datang melihat lelaki lasak yang berpakaian kulit unta. Dia bukan dari kalangan orang Farisi atau guru agama yang selalu berkhutbah dan mengajar di rumah ibadat, tetapi kata-katanya menusuk banyak hati pendengar sehingga mereka bertaubat. Dia menganggap dirinya sebagai suara yang disebut dalam Yesaya 40:3. Suara ini tidak ditemui dalam kalangan orang atasan di istana raja melainkan di gurun yang sunyi dan sukar. Di sanalah dia berpuasa dan berdoa, bersukacita dalam Taurat dan Kitab Nabi-Nabi, dan bersiap sedia untuk menyambut kedatangan Mesias.

Kitab Injil Matius mencatatkan akhir hayat Yohanes Pembaptis. Dia dibunuhi kerana dia bercakap dengan berani untuk mempersalahkan dosa Raja Herodes dan isterinya. Yohanes tidak takut pada manusia yang hanya dapat membunuh tubuhnya kerana dia diliputi oleh kekekalan yang nyata. Inilah yang diterimanya semasa di tanah gurun, jauh dari keselesaan dunia. Apakah yang dilakukannya sehingga menerima pengesahan kuat daripada Kristus sendiri? Dia hanya tinggal tetap dalam sukacita terhadap yang kekal sambil meninggalkan hak-haknya terhadap dunia dan segala keseronokannya. “Kristus telah mati, Kristus telah bangkit, Kristus akan datang lagi.” **Adakah kita hidup dengan cara yang memancarkan kesediaan untuk menyambut kedatangan Mesias yang kedua kali?**

### BERDOA UNTUK NEGARA: Ekonomi

- Agar Tuhan membersihkan amalan bisnes yang tidak beretika, yang mengamalkan rasuah dalam persekitaran politik dan pemerintahan.
- Agar Tuhan campur tangan dalam budaya pantas pengguna, kebendaan dan “cyberisme” – yang menyebabkan orang dari segala jenis latar belakang untuk menuju kepada gaya hidup yang tiada sentuhan peribadi serta serakah.
- Agar Gereja tidak tunduk kepada pengaruh roh dunia melainkan berdiri teguh dalam jalan Tuhan. Untuk melawan semua itu, berdoalah bagi: pembaharuan rohani untuk mengatasi kelekaan; dan untuk orang Kristian supaya mempunyai roh kecemerlangan dalam etika kerja dan bisnes mereka sebagai ibadah kepada Raja atas semua raja.



## Kuasa ketika Tinggal Tetap: Warisan

*Mazmur 2:7-8, “Raja bertitah, “Aku akan mengumumkan apa yang dinyatakan oleh TUHAN. Dia berfirman kepadaku, ‘Engkaulah anak-Ku; pada hari ini Aku menjadi Bapamu. Mintalah, maka semua bangsa akan Kuberi kepadamu, dan seluruh bumi akan Kujadikan milikmu.’”*

Mungkin anda telah mendengar bahagian kedua ayat ini sering kali dipetik. Ia juga telah menjadi seruan perang bagi orang yang ada hati untuk misi. Namun, ada lagikah tambahan bagi ayat ini? Mungkinkah ayat ini merupakan nubuat tentang Tuhan Bapa yang berfirman kepada Anak-Nya, Yesus, Mesias yang menjadi pewaris Daud? “Engkaulah anak-Ku,” kata Bapa. Dia melanjutkan, “Mintalah...seluruh bumi akan Kujadikan milikmu.”

Hanya anak lelaki dan anak perempuan menerima warisan, sementara pekerja dan askar menerima gaji. Apabila kita hidup dengan identiti sebagai anak-anak Tuhan, maka melayani Dia menjadi sukacita dan keistimewaan, kerana kita tahu bahawa segala sesuatu yang menjadi milik-Nya adalah juga milik kita (Lukas 15:31).

Setelah mengetahui hal ini, saya tidak lagi mencuba untuk berusaha sendiri untuk mendapatkan ganjaran ketika saya berdoa. Suatu hari kelak, apabila Yesus kembali, saya tahu bahawa saya akan berkongsi dengan warisan-Nya. Sekarang saya berdoa syafaat dan bekerja bersama-sama Yesus, memohon kepada Bapa untuk menyelamatkan orang di bumi. Kristus ialah Raja dan akhirnya Dia memerintah atas semua bangsa. **Dapatkan kita melihat melampaui diri sendiri dan memohon kepada Tuhan untuk memberikan bangsa-bangsa?**

### BERDOA UNTUK NEGARA: Kementerian Kewangan

- Agar Tuhan membersihkan tindakan yang tidak bertanggungjawab (dan roh kekacauan) oleh individu, kumpulan dalaman atau luaran yang menjejaskan dan menghabiskan dana negara dan/atau sumbangan pembayar cukai. Berdoalah agar ada kawalan kewangan yang lebih ketat untuk menghapuskan kebocoran, salahguna dan rasuah.
- Berdoalah agar negara kita tidak jatuh ke dalam perangkap yang telah menjerat negara-negara lain yang menghadapi krisis hutang negara, yang akhirnya membuat generasi akan datang berhutang juga.
- Berdoalah agar ada sikap berjimat cermat dalam perbelanjaan dan pelaburan bagi kemajuan dan pengayaan seluruh negara.



# Kuasa ketika Tinggal Tetap: Roh Kudus Memperkasakan Kita

*Kisah Para Rasul 1:4-5, "Apabila mereka berkumpul, a Yesus memberikan arahan ini kepada mereka, "Janganlah tinggalkan Yerusalem, tetapi tunggu lah pemberian yang sudah dijanjikan oleh Bapa-Ku, dan yang sudah Aku beritahukan kamu dahulu. Yohanes membaptis kamu dengan air, tetapi beberapa hari lagi kamu akan dibaptis dengan Roh Allah."*

Tugas besar Yesus untuk memberikan penyebusan telah selesai di Kayu Salib – tetapi itu bukan pengakhiran ceritanya. Yerusalem masih di bawah pemerintahan Roma. Beberapa saat sebelum Dia naik ke syurga, para pengikut-Nya bertanya, "Tuhan, adakah sekarang Tuhan mahu memulihkan Pemerintahan bangsa Israel?" Jawapan-Nya menonjolkan tiga perkara:

1. Mereka tidak perlu mengetahui masa Bapa;
2. Tetapi kerajaan akan berkembang melalui mereka dan melalui Roh Kudus;
3. Bukan hanya di Yerusalem, tetapi di seluruh Yudea, Samaria, dan ke hujung bumi.

Kita dapat membayangkan perkumpulan doa mereka di bilik atas sebagai suram jika tanpa baptisan Roh Kudus. Namun, dengan setia mereka menantikan Janji itu sehingga ia turun ke atas mereka semua seperti rupa lidah-lidah api. Hanya selepas itu, kebangunan rohani berlaku di Yerusalem, apabila 3,000 orang mendengar Petrus (Petrus yang sama, yang telah menyangkal Yesus sampai tiga kali) berkhutbah, dan menyerahkan hidup mereka kepada Yesus setelah disedarkan oleh Roh Kudus. Peristiwa itu hanya merupakan cicipan kerajaan Tuhan melalui Gereja yang berdoa dan tinggal tetap dalam Tuhan. Masih sangat luas kawasan yang perlu ditaklukkan oleh Gereja yang dipenuhi oleh Roh, sebelum Kristus kembali. **Adakah kita benar-benar bergantung pada Roh Kudus untuk memperkasakan kita untuk melaksanakan Amanat Agung?**

## BERDOA UNTUK NEGARA: Universiti

- Berdoa bagi para pensyarah dan tutor agar mereka bijaksana untuk mengambil pendirian yang bebas daripada diskriminasi dan agar mereka menerima kepelbagaiannya bangsa dan kepercayaan rohani. Agar mereka adil, beretika, dan komited dalam panggilan mereka sebagai pendidik.
- Berdoa bagi para pelajar tahun pertama supaya mempunyai kekuatan minda untuk menangani tekanan peralihan, penyesuaian dan kesepian.
- Berdoa bagi orang Kristian untuk melihat panggilan mereka sebagai pelajar itu adalah pengejaran akan kecemerlangan akademik dan juga pemahaman akan Firman Tuhan. Berdoalah agar para pelajar Kristian menjadi contoh kepada orang lain dan mereka mengatasi tekanan daripada orang sebaya ketika mereka menjalani hidup mengikut kehendak Tuhan.



## Tinggal Tetap dalam Kasih-Ku: Kayu Salib

*Yohanes 15:9, "Aku mengasihi kamu seperti Bapa mengasihi Aku. Hendaklah kamu tetap hidup sebagai orang yang Aku kasihii."*

**Y**esus mahu kita tinggal tetap dalam kasih-Nya, dan Dia memberi amaran kepada kita supaya tidak hanyut daripada kasih-Nya. Penyataan kasih Tuhan yang paling jelas adalah Kayu Salib, yang menerangkan erti kasih.

Anak Allah yang dengan sukarela menyerahkan nyawa-Nya untuk menanggung penyaliban yang kejam dan menyakitkan, supaya orang yang berdosa dan dihukum seperti kita diselamatkan daripada murka Tuhan yang suci – inilah kasih, dalam bentuk yang paling mulia dan murni. Apabila mengalami kasih seperti itu, maka pemberontakan, sikap mementingkan diri sendiri, kedegilan dan penolakan terhadap kasih Tuhan itu akan terhapus. Kasih yang mengagumkan itu menjadi sebahagian kehidupan kita apabila kita membuka hati kepada-Nya.

Untuk tetap tinggal dalam kasih ini, kita perlu berpaut pada kebenaran Injil. Kita tidak boleh meninggalkan kasih kurnia ini dengan berusaha menjadi benar melalui cara lain. Kita tidak dapat memperoleh kebenaran dan kasih Tuhan melalui usaha kita sendiri. Kita perlu terus bersandar sepenuhnya pada karya Kristus di Kayu Salib. Perbuatan baik kita adalah hasil daripada penyelamatan kita, bukan jalan mendapatkannya. Kita mesti terus percaya kepada hakikat ini agar kita tetap tinggal dalam kasih Tuhan. Kita diselamatkan oleh kasih kurnia, melalui iman, untuk perbuatan baik (Ef. 2:8-10). **Adakah keajaiban kebenaran Injil ini sudah kita lupa?**

### BERDOA UNTUK NEGARA: Sekolah

- Berdoa bagi guru-guru berdedikasi yang mempunyai hati yang benar-benar ingin mendidik dan menaikkan taraf pendidikan di negara kita.
- Berdoa bagi Perkumpulan Kristian di sekolah-sekolah supaya berkembang maju. Berdoalah agar perkumpulan tersebut memberikan impak yang penting dalam kehidupan para pelajar.
- Berdoa agar lebih banyak sekolah menengah yang didirikan di kawasan luar bandar supaya pendidikan sekolah menengah mudah dijangkau oleh semua pelajar.



## Tinggal Tetap dalam Kasih-Ku: Ketaatan

*Yohanes 15:10, "Jika kamu mentaati perintah-Ku, Aku akan tetap mengasihi kamu, seperti Bapa tetap mengasihi Aku kerana Aku mentaati perintah-Nya."*

Kelmarin kita belajar bahawa tinggal tetap dalam kasih Kristus mewajibkan kita untuk berpegang dengan setia pada kebenaran Injil Kristus. Hari ini, dalam ayat-ayat di atas, kita belajar cara yang lain untuk tetap tinggal dalam kasih Kristus – mentaati perintah-Nya.

Yohanes 14:21 menyatakan, “Sesiapa yang menerima dan melakukan perintah-perintah-Ku, mengasihi Aku. Bapa-Ku akan mengasihi sesiapa yang mengasihi Aku. Aku pun akan mengasihi orang itu dan menunjukkan diri kepadanya.” Kita akan mentaati Tuhan jika kita mengasihi-Nya. Jika kita mengasihi seseorang, dengan sendirinya kita melakukan hal-hal yang menggembirakan mereka. Sebaliknya, ketidaktaatan akan memutuskan perhubungan. Hakikatnya adalah, kita tidak boleh intim dalam perhubungan kita dengan Tuhan jika kita tidak mentaati-Nya.

Orang Kristian yang taat akan mengalami hakikat dan dalamnya kasih Bapa dan kuasa penyelamatan melalui Kayu Salib yang ditanggung oleh Yesus Kristus. Setiap kali kita mentaati suara-Nya dan melaksanakan kehendak-Nya, kita semakin bertumbuh dalam pengenalan akan Dia. Yesus berulang kali memerintah orang Kristian untuk saling mengasihi. Dia ingin supaya kasih-Nya menjadi ciri utama bagi Tubuh-Nya, iaitu Gereja. **Adakah anda memberikan respons dengan mentaati kasih Tuhan?**

### BERDOA UNTUK NEGARA: Johor

- Berdoa bagi projek Iskandar Johor agar ini dapat menyediakan pekerjaan dan meningkatkan taraf hidup dengan memajukan negeri dan menjadi salah satu penggerak ekonomi negara.
- Berdoa bagi Sultan Johor yang mempunyai pengaruh besar terhadap pemerintahan negeri. Berdoa agar Tuhan menyentuh hatinya, dan agar dia mentadbir negeri ini dengan cara yang takut akan Tuhan, serta menegakkan integriti dan mendahuluikan kepentingan rakyat.
- Berdoa bagi Menteri Besar dan kerajaan negeri, agar menggubal dan menguatkuasakan polisi-polisi yang baik dan dapat menyokong pembangunan negeri, yang mempunyai hubungan yang sangat dekat dengan Singapura.

# Penghargaan

Terima kasih kepada penulis yang menyumbang hasil pena mereka:

- **Tetap bersatu dalam Pokok Anggur yang sejati** by Rev Dr Phillip Koh
- **Carang** by Pr Robbie Simunyi
- **Buah** by Pr Lee Yew Meng
- **Memangkas** by Rev Dr Lim Yeu Chuen
- **Firman Tuhan Tinggal dalam kita** by Rev Loh Soon Choy
- **Kuasa apabila Tinggal Tetap** by Saudari Carolyn Boin
- **Tinggal Tetap dalam Kasih-Ku** by Dr Chan Ah Kee









**Disediakan oleh NECF Malaysia**

32, Jalan SS2/103, Petaling Jaya  
47300, Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
Tel:03-77278227 Faks:03-77291139

Emel:[prayer@necf.org.my](mailto:prayer@necf.org.my)  
[www.necf.org.my](http://www.necf.org.my)